

## **Analisis terhadap Aspek Undang-Undang Muamalat dalam Manuskrip Kanun Negeri Lingga**

### *Analysis of Commercial Law Aspects in the Manuscript of the Kanun Negeri Lingga*

**Fatimah Hamrie\*, Saimi Bujang, Noranizah Yusuf & Wan Ariffin Wan Yon**

*Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi Mara Sarawak,  
94300 Kota Samarahan, Sarawak, Malaysia*

*\*Corresponding author: dikfatum@gmail.com*

#### **ABSTRAK**

Manuskrip Kanun Negeri Lingga (KNL) adalah sebuah teks Undang-undang Melayu Lama (UML) yang membuktikan kewujudan perundangan Islam di Sarawak. Manuskrip KNL mempunyai 88 halaman yang menyatakan tentang Undang-Undang Islam (Syariah); Undang-Undang Pemerintahan Raja (Hukum Kanun Datu); Undang-Undang Adat Melayu Lingga; Undang-Undang Jenayah; Undang-Undang Laut (Pelabuhan, kapal, pelayaran, perahu dagang) dan Undang-Undang Muamalat (berdagang, berniaga, bergadai, jual beli dan pinjam meminjam). Kajian ini bertujuan untuk membuktikan kewujudan pengamalan undang-undang muamalat Islam di Sarawak sebelum kedatangan James Brooke ke negeri ini. Objektif khusus kajian ini adalah menghuraikan maklumat dan kandungan berkaitan manuskrip Kanun Negeri Lingga; dan, mengkaji undang-undang muamalat yang terdapat di dalam manuskrip Kanun Negeri Lingga. Kajian ini menggunakan pendekatan penyelidikan deskriptif kualitatif iaitu menggunakan kaedah kajian perpustakaan dan analisis dokumen. Kajian ini berjaya menghuraikan maklumat dan kandungan manuskrip KNL, dengan tumpuan khusus terhadap aspek undang-undang muamalat. Analisis terperinci telah dilakukan terhadap pelbagai aspek undang-undang muamalat dalam KNL, meliputi hukum berniaga, riba, jual beli rumah, tanah dan hasil buah-buahan, sandar (cagaran) dan hutang, muflis, memberi modal dan menjaga amanah. Kajian ini merumuskan bahawa kewujudan manuskrip KNL ini menjadi salah satu bukti dalam memberi sumbangan yang bermakna untuk membentuk rangka perlembagaan Sarawak amnya dan perundangan Islam di Sarawak khususnya.

**Kata Kunci:** Kanun, Lingga, Muamalat, Hukum Berniaga, Riba

**Received:**  
**Sept 18, 2024**

**Accepted:**  
**Nov 25, 2024**

**Online  
Published:**  
**Nov 29, 2024**

### **ABSTRACT**

*The Manuscript of Kanun Negeri Lingga (KNL) is an Old Malay Law (UML) text that proves the existence of Islamic legislation in Sarawak. The KNL manuscript has 88 pages that discuss Islamic Law (Shariah); Royal Governance Law (Hukum Kanun Datu); Lingga Malay Customary Law; Criminal Law; Maritime Law (Ports, ships, navigation, trading vessels) and Muamalat Law (trading, business, pawning, buying and selling, and lending). This study aims to prove the existence of Islamic muamalat law practices in Sarawak before the arrival of James Brooke to this state. The specific objectives of this study are to describe the information and content related to the Kanun Negeri Lingga manuscript; and to examine the muamalat laws contained in the Kanun Negeri Lingga manuscript. This study uses a qualitative descriptive research approach, employing library research methods and document analysis. This study successfully describes the information and content of the KNL manuscript, with a specific focus on aspects of muamalat law. A detailed analysis has been conducted on various aspects of muamalat law in KNL, covering business law, usury, buying and selling of houses, land and fruit produce, collateral and debt, bankruptcy, providing capital, and entrusting. This study concludes that the existence of this KNL manuscript serves as one of the pieces of evidence in making a meaningful contribution to forming the framework of Sarawak's constitution in general and Islamic legislation in Sarawak in particular.*

**Keywords:** *Kanun, Lingga, Muamalat, Business Law, Usury*

### **PENGENALAN**

Manuskrip Kanun Negeri Lingga (KNL) merupakan teks Undang-undang Melayu Lama (UML) sebagai naskhah yang membuktikan kewujudan perundangan Islam di Sarawak. Dokumen bertulis ini menggabungkan undang-undang adat Melayu yang telah disesuaikan dengan prinsip-prinsip hukum Islam, mencerminkan evolusi sistem perundangan dalam masyarakat Melayu Islam di negeri tersebut. KNL bukan sekadar koleksi undang-undang adat, tetapi juga merangkumi aspek-aspek penting Syariah. Kandungannya meliputi pelbagai bidang hukum Islam, termasuk fiqh Ibadah, Jinayah, Muamalat, dan Munakahat. Keluasan skop ini menunjukkan bahawa KNL berfungsi sebagai panduan komprehensif dalam kehidupan harian dan urusan masyarakat Islam di Sarawak pada masa itu. Kewujudan manuskrip ini membuktikan bahawa pengamalan hukum-hukum Islam telah berlaku, bukan sahaja di negeri Lingga secara khusus, tetapi juga di seluruh Sarawak secara umumnya.

Zanirah et al. (2015) menyatakan bahawa kajian sejarah perundangan di negeri-negeri Melayu telah mendapat manfaat daripada pengumpulan teks Undang-Undang Melayu Lama (UML) oleh para sarjana, khususnya dari Barat. Beberapa teks undang-undang lama yang mencerminkan struktur perundangan pada masa itu termasuk Hukum Kanun Melaka, Hukum Kanun Pahang, Undang-Undang Kedah, Undang-Undang 99 Perak, dan Undang-Undang Sungai Ujung. Penyelidikan terhadap teks-teks ini menunjukkan bahawa Hukum Kanun Melaka mempunyai banyak persamaan dengan teks undang-undang dari Pahang, Kedah, dan

Perak. Melalui analisis teks-teks tersebut, dua sistem adat yang berbeza tetapi meluas penggunaannya di Semenanjung Tanah Melayu telah dikenalpasti. Adat Perpatih adalah sistem adat yang diterapkan di Negeri Sembilan, manakala Adat Temenggung diterapkan di negeri-negeri lain. Adat Temenggung dipercayai berasal dari Melaka dan telah diadaptasi dengan hukum-hukum Islam selepas penerimaan Islam oleh sultan, para pembesar, dan rakyat di negeri tersebut. Undang-undang adat ini dapat dikategorikan kepada tiga bahagian utama: Adat Perpatih, Adat Temenggung, dan terjemahan daripada ajaran-ajaran Islam.

Dalam konteks sejarah perkembangan perundangan Islam di Sarawak pula, Zaini Nasohah (2006) menjelaskan bahawa perkembangan perundangan bagi orang Islam di Sarawak agak perlahan berbanding dengan negeri-negeri di Semenanjung. Keadaan ini disebabkan oleh perbezaan suasana politik dan pendekatan yang digunakan oleh pihak penjajah di Sarawak yang berbeza. Pihak penjajah lebih banyak memberi penekanan kepada peraturan-peraturan berbentuk adat setempat untuk masyarakat Bumiputera secara umum yang akhirnya turut dikenakan kepada orang Islam.

Bagi Sarawak, maklumat mengenai pengamalan perundangan Islam agak terhad. Penulisan yang membahas tentang sejarah perkembangan perundangan Islam hanyalah baru-baru ini mula ditonjolkan dan mula mendapat perhatian dalam kalangan ahli akademik. Saimi Bujang et al. (2022) menyatakan bahawa perundangan Islam sememangnya telah wujud dan diamalkan di Sarawak sebelum zaman pemerintahan James Brooke. Kewujudan dan pengamalan perundangan Islam di Sarawak dibuktikan dengan kewujudan manuskrip-manuskrip berbentuk surat perlantikan James Brooke sebagai Gabenor Sarawak pada 24 September 1841M, tindakan James Brooke mencetak undang-undang tempatan di Singapore pada Januari 1842M dan lain-lain lagi catatan pegawai-pegawai di bawah pentadbiran James Brooke pada masa tersebut. Selain itu, Saimi Bujang et al. (2022) turut menyoroti bahawa karya seperti *Syair Tarsilah Cetera Dato' Gudam* dan *Temenggong Qadir Negeri Saribas* serta Manuskrip Sejarah Banting dan Asal-Usul Nenek Datuk mengandungi unsur-unsur perundangan Islam. Namun begitu, Sarawak mempunyai beberapa kanun dan teks UML yang masih belum mendapat perhatian oleh ahli akademik antaranya manuskrip Kanun Negeri Lingga (KNL). Kewujudan teks UML di Sarawak seperti KNL ini telah membuktikan pelaksanaan undang-undang Islam juga telahpun diamalkan di Sarawak, sebelum zaman pemerintahan Brooke. Sehubungan dengan itu, kajian ini bertujuan untuk menghuraikan maklumat dan kandungan berkaitan manuskrip KNL; dan, mengkaji undang-undang muamalat Islam yang terdapat di dalam manuskrip KNL.

## **PENYATAAN MASALAH**

Hasil daripada sorotan kajian mendapati bahawa belum terdapat kajian secara komprehensif dan akademik berkaitan dengan teks UML Sarawak iaitu manuskrip Kanun Negeri Lingga (KNL). Terdapat kajian yang menggunakan KNL sebagai bukti kewujudan perundangan Islam di Sarawak, tanpa mengkaji kandungan teks secara mendalam. Kajian oleh Azuan Jemat (2018) bertajuk "Negeri Lingga Abad Ke 17: Hak Adat Melayu Sarawak di Lembah Batang Lupar dan Sungai Lingga" turut menyentuh tentang KNL. Namun, kajian tersebut hanya menyatakan bahawa KNL merupakan undang-undang yang berteraskan Syariat Islam, tanpa analisis lanjut terhadap kandungannya. Justeru, pengkaji mendapati bahawa terdapat kelompangan dalam kajian berkaitan dengan kandungan teks KNL yang masih belum dikaji secara menyeluruh lagi. Justeru, kajian menganalisis kandungan teks KNL ini perlu dilakukan bagi memenuhi kelompangan dalam kajian teks UML di Sarawak.

Kewujudan manuskrip KNL membuktikan bahawa Sarawak memiliki ketamadunan Melayu yang tersendiri. Hal ini disokong oleh kajian Azuan Jemat (2018) yang menunjukkan bahawa ketamadunan Melayu di Sarawak bukanlah hasil daripada pengaruh Barat yang dibawa oleh James Brooke. Pandangan ini menyanggah apa yang diistilahkan oleh Sanib Said sebagai "Mitos Brooke and Great Britain". Secara tidak langsung ia telah memberi gambaran yang cukup jelas bentuk perundangan masyarakat Melayu Sarawak. Justeru, kajian ini perlu dilakukan bagi menghuraikan maklumat dan kandungan berkaitan manuskrip KNL dan mengkaji tentang undang-undang muamalat yang terkandung di dalam KNL.

## **OBJEKTIF**

Matlamat utama kajian ini adalah untuk mengkaji kandungan manuskrip Kanun Negeri Lingga (KNL) berkaitan undang-undang muamalat di Sarawak sebelum era pemerintahan James Brooke. Berdasarkan permasalahan kajian yang telah dibincangkan, objektif kajian ini adalah seperti berikut:

1. Menghuraikan maklumat dan kandungan berkaitan manuskrip Kanun Negeri Lingga.
2. Mengkaji undang-undang muamalat yang terdapat di dalam manuskrip Kanun Negeri Lingga.

## **METODOLOGI**

Kajian ini mengadaptasi pendekatan penyelidikan deskriptif kualitatif, menggabungkan aspek-aspek kualitatif dan deskriptif dalam metodologinya. Proses pengumpulan dan analisis data melibatkan interpretasi maklumat berbentuk kata-kata, sama ada lisan atau bertulis, yang mencerminkan tingkah laku manusia yang boleh diperhatikan (Taylor & Bogdan, 1984). Fokus utama kajian ini adalah pada kaedah kajian perpustakaan dan analisis dokumen.

Untuk memperoleh maklumat yang komprehensif, pelbagai sumber rujukan digunakan, merangkumi sumber primer dan sekunder. Ini termasuk bahan-bahan ilmiah seperti buku, jurnal akademik, artikel akhbar, majalah, laporan rasmi jabatan, kertas kerja persidangan, manuskrip, serta penulisan sarjana kontemporari. Sumber utama kajian ini adalah manuskrip KNL, disokong oleh pelbagai sumber ilmiah lain yang berkaitan. Dalam proses analisis data, kajian ini menggabungkan metode induktif, deduktif, dan komparatif. Khususnya, analisis terperinci terhadap dokumen KNL dilakukan untuk meneliti kandungannya. Tujuan utama analisis ini adalah untuk mengenal pasti dan memahami undang-undang muamalat yang diamalkan oleh masyarakat Islam di negeri Lingga khususnya, dan di Sarawak secara umumnya.

Pendekatan ini membolehkan pengkaji mengkaji aspek-aspek undang-undang muamalat yang terkandung dalam KNL, seterusnya memberikan pemahaman yang lebih jelas tentang amalan perundangan Islam dalam konteks sejarah dan budaya masyarakat setempat. Dalam menganalisis dan mentafsir kandungan KNL, kajian ini menggunakan pendekatan analisis data mikro yang melibatkan beberapa peringkat utama. Proses ini dimulai dengan penyediaan teks dan pemahaman isu kajian, diikuti oleh pembacaan menyeluruh KNL. Seterusnya, data dikelaskan mengikut tema, sebelum diinterpretasi untuk menjelaskan maksudnya. Pemilihan pendekatan ini bertujuan memastikan kajian dijalankan secara sistematik dan mencapai objektif yang ditetapkan. Proses pengelasan dilaksanakan untuk mengenal pasti dan menyusun data mengikut kategori tema yang berkaitan dengan kajian ini. Khususnya, pengekodan

difokuskan kepada aspek perundangan Islam, terutamanya undang-undang muamalat. Metodologi ini selaras dengan prinsip-prinsip analisis kualitatif yang dicadangkan oleh pakar-pakar dalam bidang ini. Pendekatan ini membolehkan pengkaji menganalisis data secara terperinci dan menyeluruh, seterusnya memperoleh pemahaman yang mendalam tentang aspek undang-undang muamalat dalam manuskrip tersebut.

## **DAPATAN KAJIAN**

Dapatan kajian membincangkan tiga perkara utama iaitu; (i) pengenalan manuskrip KNL; (ii) undang-undang muamalat dalam KNL; dan (iii) pengaruh dan relevansi manuskrip KNL dalam pembentukan sistem undang-undang semasa di Sarawak.

### **Pengenalan Manuskrip Kanun Negeri Lingga**

Kajian yang dilakukan oleh Azuan Jemat (2018) telah memberikan pandangan mendalam mengenai sejarah Negeri Melayu Lingga melalui analisis Manuskrip Jawi Melayu Lingga. Penelitian ini mendedahkan bukti kewujudan entiti politik tersebut pada abad ke-17 dan ke-18, memberikan sumbangan penting kepada pemahaman historiografi Melayu. Kesultanan Lingga, sebagaimana yang dinyatakan oleh Suffian Mansor (2013), merupakan salah satu daripada rangkaian kerajaan Melayu di Nusantara yang membentuk sebahagian daripada tapak ketamadunan Melayu di kawasan kepulauan Borneo.

Hasil penyelidikan Azuan Jemat (2018) turut mengenal pasti beberapa manuskrip Jawi Melayu Lingga yang signifikan, termasuk catatan yang dihasilkan oleh Abang Mohammad Zain. Salah satu penemuan penting dalam kajian tersebut ialah dokumen yang dikenali sebagai Kanun Negeri Lingga (KNL). KNL juga dikenali sebagai Hukum Kanun Undang-Undang dan Adat Melayu Banting atau Undang-Undang Banting (Azuan Jemat, 2018). Manuskrip ini menonjol sebagai sumber primer yang berharga dalam memahami struktur perundangan dan pentadbiran Kesultanan Lingga. KNL terdiri daripada 88 halaman yang merangkumi pelbagai aspek undang-undang, termasuk Undang-Undang Islam (Syariah); Undang-Undang Pemerintahan Raja (Hukum Kanun Datu); Undang-Undang Adat Melayu Lingga; dan, Undang-Undang Laut, yang meliputi peraturan berkaitan pelabuhan, kapal, pelayaran, dan perahu dagang.

Manuskrip KNL merupakan sebuah manuskrip bertulis yang kini berada dalam simpanan Abang Sakardi bin Abang Nor, yang menetap di Petra Jaya, Kuching. Abang Sakardi dipercayai salah seorang keturunan pemerintahan kerajaan Banting. Kerajaan Banting adalah sebuah kerajaan Melayu Islam yang pernah berpusat di lembah Batang Lupar, terletak di daerah kecil Lingga, bahagian Sri Aman. Menurut kajian sejarah (Sanib, 2023; Azuan, 2018), nama kerajaan Banting ini diambil sempena daripada Bukit Banting, di mana ibu kota kerajaan tersebut didirikan.

Analisis fizikal manuskrip ini mendedahkan dimensi yang menunjukkan sifat mudah alihnya, dengan ukuran 10.5 cm lebar, 16.5 cm tinggi, dan 1 cm tebal. Struktur fizikalnya mencerminkan format kitab bersaiz kecil yang mudah dibawa. Dari segi kandungan, manuskrip ini merangkumi 80 halaman asal dalam tulisan Jawi, yang kemudiannya bertambah menjadi 88 halaman selepas proses transliterasi ke dalam tulisan Rumi. Setiap halaman mengandungi antara 13 hingga 15 baris, dengan purata 10 perkataan setiap baris. Walaupun tulisan Jawi ini ditulis tangan dengan teliti dan tersusun, saiz huruf yang kecil dan jarak antara huruf yang rapat menyukarkan proses pembacaan. Manakala dari aspek material manuskrip ini mendedahkan penggunaan dakwat hitam untuk penulisan teks. Ketiadaan kulit buku merupakan ciri fizikal

yang ketara, menunjukkan kemungkinan kerosakan atau kehilangan bahagian luaran manuskrip tersebut sepanjang tempoh penyimpanannya.

Dari perspektif sejarah pula, catatan pada halaman pertama manuskrip memberikan maklumat ringkas mengenai konteks penggunaannya, mengidentifikasikan dokumen ini sebagai undang-undang agama yang digunakan pada tahun 1279H (bersamaan 1862M), semasa pemerintahan Datuk Pahlawan Abang Hussein bin Abang Hassan di Lingga. Kesimpulannya, Kanun Negeri Lingga merupakan sumber primer yang bernilai dalam memahami sistem perundangan dan pemerintahan di Lingga pada pertengahan abad ke-19.

### **Undang-Undang Muamalat Dalam Kanun Negeri Lingga**

Terdapat beberapa aspek mengenai undang-undang muamalat dalam KNL. Dapatan analisis mendapati sebanyak lapan (8) peruntukan undang-undang muamalat iaitu, (i) pengharaman riba, (ii) hukum berkaitan berniaga dan syarat jual beli, (iii) jual beli tanah atau kebun, (iv) hukum mengenai cagaran, (v) suluh, (vi) muflis, (vii) pemberian modal dan (viii) menjaga amanah. Berdasarkan daripada dalil al-Quran, hadis serta pandangan ulama-ulama, peruntukan undang-undang muamalat dalam KNL juga adalah selaras dan menepati kehendak hukum Syarak. Dapatan kajian ini juga disusun dalam bentuk jadual berdasarkan analisis yang diperoleh daripada manuskrip KNL. Jadual-jadual tersebut merangkumi aspek penting undang-undang muamalat, yang telah dianalisis secara terperinci.

#### ***Pengharaman Riba***

Perihal berkaitan dengan pengharaman riba dinyatakan pada halaman 85, KNL sebagaimana berikut:

*“Fasal pada menyatakan segala hukum berniaga itu dan haram bagi sekalian yang mengambil riba.”*

(Kanun Negeri Lingga, 1862: 85)

Pernyataan tentang hukum haramnya riba dalam manuskrip KNL di halaman 85 ini adalah selari dengan al-Quran dan Hadis. Allah SWT menjelaskan tentang pengharaman riba ini melalui firmanNya:

الَّذِينَ يَأْكُلُونَ الرِّبَا لَا يَقُومُونَ إِلَّا كَمَا يَقُومُ الَّذِي يَتَخَبَّطُهُ الشَّيْطَانُ مِنَ الْمَسِّ ۚ ذَٰلِكَ بِأَنَّهُمْ قَالُوا إِنَّمَا الْبَيْعُ مِثْلَ الرِّبَا ۗ وَأَحَلَّ اللَّهُ الْبَيْعَ وَحَرَّمَ الرِّبَا ۗ فَمَنْ جَاءَهُ مَوْعِظَةٌ مِّن رَّبِّهِ فَآنتَهَىٰ فَلَهُ مَا سَلَفَ وَأَمْرُهُ إِلَى اللَّهِ ۗ وَمَنْ عَادَ فَأُولَٰئِكَ أَصْحَابُ النَّارِ ۗ هُمْ فِيهَا خَالِدُونَ

Maksudnya: Orang-orang yang memakan (mengambil) riba itu tidak dapat berdiri betul melainkan seperti berdirinya orang yang dirasuk Syaitan dengan terhuyung-hayang kerana sentuhan (Syaitan) itu. Yang demikian ialah disebabkan mereka mengatakan: "Bahawa sesungguhnya berniaga itu sama sahaja seperti riba". Padahal Allah telah menghalalkan berjual-beli (berniaga) dan mengharamkan riba. Oleh itu sesiapa yang telah sampai kepadanya peringatan (larangan) dari Tuhannya lalu ia berhenti (dari mengambil riba), maka apa yang telah diambilnya dahulu (sebelum pengharaman itu) adalah menjadi haknya, dan perkaranya terserahlah kepada Allah. Dan sesiapa yang mengulangi lagi (perbuatan mengambil riba itu) maka itulah ahli neraka, mereka kekal di dalamnya.

(Surah al-Baqarah (2): 275)

Pernyataan mengenai pengharaman riba dalam KNL juga merujuk kepada penjelasan bahawa Allah SWT melaknat mereka yang terlibat dalam riba. Pengharaman ini dikuatkan lagi dengan hadis Nabi Muhammad SAW yang berbunyi:

"Allah melaknat orang yang memakan (pemakai) riba, orang yang memberi riba, dua orang saksi dan pencatat (dalam transaksi riba), mereka sama saja."

(Hadis Riwayat Muslim dan Ahmad, No. 1598)

Pengharaman riba ini tidak hanya dilihat dari sudut hukum sahaja, tetapi juga melibatkan implikasi etika dan keadilan dalam ekonomi. Riba dianggap sebagai satu bentuk penindasan kerana ia melibatkan pengambilan keuntungan yang tidak adil daripada pihak yang memerlukan bantuan kewangan. Dalam konteks ini, larangan riba bertujuan untuk melindungi masyarakat daripada eksploitasi, di mana pihak yang meminjam terpaksa menanggung beban hutang yang semakin meningkat tanpa ada jalan keluar. Hal ini boleh mengakibatkan kesenjangan sosial dan ketidakadilan ekonomi, yang bertentangan dengan prinsip keadilan yang ditekankan dalam sistem muamalat Islam.

Pengharaman riba dalam KNL juga mempunyai relevansi yang besar dalam konteks kewangan moden, di mana amalan riba dalam pinjaman bank dan sistem kewangan konvensional masih wujud secara meluas. Amalan ini sering kali menyebabkan pihak yang lemah dan miskin terperangkap dalam hutang yang semakin bertambah. Oleh itu, prinsip pengharaman riba ini juga memberi isyarat penting bahawa sistem kewangan perlu berasaskan kepada prinsip keadilan, di mana kedua-dua pihak iaitu pemberi dan penerima dapat menikmati manfaat yang adil dan tidak ada pihak yang dieksploitasi. Peruntukkan mengenai undang-undang pengharaman riba dalam KNL ini memberi gambaran tentang bagaimana undang-undang Islam bertujuan untuk mengekalkan keseimbangan dan keadilan dalam transaksi ekonomi.

Peruntukkan tentang hukum jual beli barang ribawi juga dinyatakan dalam KNL, pada halaman tiga (3) sebagaimana berikut:

*" ..... tiada sah beniaga mas dengan mas dan perak melainkan suatu jenis lain yakni mas suatu jenis lain suatu jenis yakni perak tunai dan beniaga makanan janji tunai maka sah.... "*

(Kanun Negeri Lingga, 1862: 3)

Pernyataan berkaitan hukum yang melarang menjual emas dengan emas atau perak dengan perak kecuali jika barang-barang tersebut berbeza jenis di halaman tiga (3) KNL ini adalah selaras dengan sebuah hadis dari Rasulullah SAW yang menyatakan:

الدَّهَبُ بِالذَّهَبِ وَالْفِضَّةُ بِالْفِضَّةِ وَالْبُرُّ بِالْبُرِّ وَالشَّعِيرُ بِالشَّعِيرِ وَالتَّمْرُ بِالتَّمْرِ وَالْمِلْحُ بِالمِلْحِ مِثْلًا مِثْلًا سَوَاءٌ بَدَا بِيَدٍ فَإِذَا اخْتَلَفَتْ هَذِهِ الْأَصْنَافُ فَبِعُوا كَيْفَ شِئْتُمْ إِذَا كَانَ بَدَا بِيَدٍ

Maksudnya: "Emas dengan emas, perak dengan perak, gandum dengan gandum, barli dengan barli, kurma dengan kurma dan garam dengan garam; mestilah sama timbangan dan sukatan (kuantiti) serta dilakukan dari tangan ke tangan (secara langsung). Jika berlainan jenis, maka berjual belilah sesuka kalian tetapi hendaklah tetap dilakukan dari tangan ke tangan (secara langsung)."

(Hadis Riwayat Muslim, No. 1210; At-Tirmidzi, No. 532; Abu Dawud, No. 248)

Walaupun hadis ini berhubungan dengan transaksi fizikal pada zaman Rasulullah SAW, prinsip yang terkandung masih relevan dalam konteks ekonomi moden, terutamanya dalam aspek perdagangan emas dan perak. Kajian terhadap prinsip ini dalam KNL menunjukkan usaha untuk memastikan agar segala transaksi berlaku dengan ketelusan yang tinggi, mengurangkan risiko ketidakadilan, dan memelihara hak setiap pihak. Seiring dengan perkembangan ekonomi, larangan ini juga dapat difahami sebagai langkah untuk mencegah penipuan dalam urusan niaga, seperti yang berlaku dalam pasaran emas dan perak apabila terdapat pihak yang cuba mengeksploitasi ketidaktahuan dalam urusan niaga tersebut.

Larangan menjual emas dengan emas atau perak dengan perak dalam bentuk yang sama, tanpa sebarang perbezaan jenis, menunjukkan pentingnya prinsip keadilan dan ketelusan dalam transaksi muamalat, khususnya dalam aspek *takwim* (penetapan harga dan timbangan) yang adil. Hal ini bukan sahaja melindungi pihak-pihak dalam transaksi dari kemungkinan berlaku ketidakadilan atau penipuan, tetapi juga menjaga agar tidak timbul unsur *gharar* (ketidakpastian) dalam transaksi. Dalam konteks KNL, larangan ini mungkin bertujuan untuk memastikan agar semua transaksi yang melibatkan emas dan perak dilakukan dengan penuh kehati-hatian, mengelakkan manipulasi harga, dan memastikan kesamaan dalam pemberian dan penerimaan.

Berdasarkan daripada dalil al-Quran dan hadis yang dijelaskan di atas, ia menjelaskan bahawa hukum pengharaman riba yang terdapat dalam KNL adalah selaras dan menepati kehendak hukum syarak.

### ***Hukum Berniaga***

Dalam KNL, peruntukkan mengenai hukum perniagaan turut dijelaskan, termasuk pernyataan tentang ketidakabsahan berniaga dengan orang gila dan kanak-kanak, kecuali melalui orang yang sah berniaga sebagaimana yang dinyatakan pada halaman 85 dan 86 seperti berikut:

*“Fasal pada menyatakan segala hukum berniaga itu dan haram bagi sekalian yang mengambil riba. Adapun pada hukum beniaga itu artinya yang tiada sah beniaga bagi orang gila dan tiada sah beniaga dengan kanak-kanak yang belum baligh.”*

(Kanun Negeri Lingga, 1862:85)

*“dan tiada sah beniaga melainkan dengan orang berjual juga seperti katanya benda ini maka kata yang membeli benda itu dan dahulu benda itu hendak bertentu.”*

(Kanun Negeri Lingga, 1862: 86)

Pernyataan pada halaman 85 dan 86 dalam KNL yang menyatakan tentang ketidakabsahan berniaga dengan orang gila dan kanak-kanak kecuali melalui orang yang sah berniaga adalah selari dengan firman Allah SWT sebagaimana berikut:

وَلَا تُؤْتُوا السُّفَهَاءَ أَمْوَالَكُمُ الَّتِي جَعَلَ اللَّهُ لَكُمْ قِيَامًا وَارْزُقُوهُمْ فِيهَا وَاكْسُوهُمْ وَقُولُوا لَهُمْ قَوْلًا مَعْرُوفًا

Maksudnya: Dan janganlah kamu berikan (serahkan) kepada orang-orang yang belum sempurna akalnya akan harta (mereka yang ada dalam jagaan) kamu, (harta) yang Allah telah menjadikannya untuk kamu semua sebagai asas pembangunan kehidupan kamu; dan berilah mereka belanja dan pakaian

dari pendapatan hartanya (yang kamu niagakan), dan juga berkatalah kepada mereka dengan kata-kata yang baik.

(Surah al-Nisa (4): 5)

Dari sudut fiqh muamalat, prinsip-prinsip akad jual beli bukan sahaja menekankan kesahan kontrak dari segi teknikal, tetapi juga perlindungan terhadap pihak yang kurang berupaya seperti kanak-kanak dan orang gila. Hal ini dapat dilihat melalui rukun akad yang melibatkan tiga elemen penting: pihak berakad (penjual dan pembeli), lafaz akad (ijab dan kabul), dan objek akad (barangan serta harga) (al-Syirbini, 1415H). Menurut syarat utama, pihak yang terlibat dalam akad mestilah memiliki *al-Rusyd* (kewarasan), iaitu mereka harus baligh, berakal, dan mampu menguruskan harta serta agama dengan baik (Ibrahim bin Muhammad, 1428H; Al-Syirbini, 1415H; Muhammad al-Zuhaili, 2007; al-Haitami, 1357H). Hal ini bermakna akad yang melibatkan individu yang tidak memenuhi syarat-syarat tersebut adalah terbatal.

Syeikh Wahbah al-Zuhaili (t.t) turut memperincikan bahawa sebarang tindakan yang melibatkan kanak-kanak *mumaiyiz* yang boleh mendatangkan kemudaratan, termasuk pengeluaran harta, adalah tidak sah. Pandangan ini selari dengan pendapat muktamad dalam mazhab Syafi'i, yang menegaskan bahawa transaksi yang dilakukan oleh kanak-kanak, sama ada *mumaiyiz* atau tidak, tidak sah selagi mereka belum baligh dan tidak berkemampuan untuk menguruskan harta secara rasional. Hadis Rasulullah SAW juga memperkukuhkan prinsip ini:

رُفِعَ الْقَلَمُ عَنْ ثَلَاثَةٍ: عَنِ النَّائِمِ حَتَّى يَسْتَيْقِظَ، وَعَنِ الصَّبِيِّ حَتَّى يُحْتَلِمَ، وَعَنِ الْمَجْنُونِ حَتَّى يَعْقِلَ

Maksudnya: “Telah diangkat pena daripada tiga golongan: (Iaitu) dari orang yang tidur sehingga dia terjaga, dari seorang kanak-kanak sehingga dia baligh dan dari orang yang gila sehingga dia sedar.”

(Hadis Riwayat Abu Daud, No. 4403)

Peruntukkan tentang ketidakabsahan berniaga dengan orang gila dan kanak-kanak dalam KNL ini menunjukkan bahawa prinsip ini bukan sahaja menekankan aspek perlindungan pihak yang kurang berkeupayaan, tetapi juga mencerminkan usaha untuk memastikan keadilan dalam transaksi muamalat. Penerapan ketat syarat-syarat ini bertujuan untuk mengelakkan eksploitasi ke atas pihak yang tidak berkemampuan, sekali gus memperkukuhkan integriti dan etika dalam urusan jual beli. Oleh itu, peruntukan dalam KNL mengenai larangan berniaga dengan orang gila dan kanak-kanak adalah selari dengan kehendak syarak dan merupakan satu bentuk pengawalan yang berteraskan prinsip keadilan fiqh dalam melindungi hak-hak individu dalam masyarakat. KNL turut menggariskan hukum berkenaan jual beli barang yang haram serta syarat-syarat sah dalam urusan jual beli. Seperti yang dinyatakan dalam manuskrip KNL:

*“Bermula hendaklah benda seperti tuak dan anjing dan babi dan segala yang haram bermula segala yang ada katanya seperti gajah akan kenderaannya dan barang yang ada seperti itu sah berniaga. Adapun sah berniaga yang dapat dikuasakan menyerahkan dia dan tiada sah berniaga berjual hamba orang lain oleh tiada bertentu tempatnya tiada kuasa menyerahkan dia. Bermula ada hendak benda yang dijualnya itu milik atau ia wali seperti benda kanak-kanak yang kecil bapanya atau neneknya menyuruh berjual dia atau wakil disuruhnya berniaga jikalau tiada dengan syarat ini tiada sah berniaga.”*

(Kanun Negeri Lingga, 1862:86)

Berdasarkan petikan teks pada halaman 86 KNL tersebut, beberapa hukum yang dapat disimpulkan adalah:

1. Larangan menjual barang yang haram: Jual beli barang-barang yang haram seperti tuak, anjing, babi, dan barang-barang lain yang haram adalah tidak sah menurut hukum yang dinyatakan dalam KNL.
2. Syarat sah jual beli: Jual beli hanya sah jika barang yang dijual itu adalah milik penjual atau jika penjual mempunyai kuasa atau hak untuk menjualnya, seperti dalam kes penjaga (wali) yang sah bagi kanak-kanak atau wakil yang diberi kuasa untuk berniaga.
3. Keperluan kuasa untuk menyerahkan barang: Jual beli yang melibatkan barang milik orang lain, seperti hamba yang bukan milik penjual, adalah tidak sah kerana penjual tidak mempunyai kuasa untuk menyerahkan barang tersebut.
4. Kesahan jual beli: Jual beli dianggap sah hanya jika memenuhi syarat-syarat tertentu, termasuk hak milik, kuasa untuk menyerahkan barang, dan kuasa wali atau wakil untuk berniaga. Seperti seorang wali yang mewakilkan kanak-kanak untuk berniaga adalah tidak sah.

### *Larangan Menjual Barang Haram*

Pernyataan mengenai ketidakabsahan jual beli barang-barang haram seperti tuak, anjing, babi, dan barang-barang lain yang haram pada halaman 86 KNL adalah selaras dengan hadis Rasulullah SAW sebagaimana berikut:

عَنْ جَابِرِ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ يَقُولُ سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ عَامَ الْفَتْحِ إِنَّ اللَّهَ عَزَّ وَجَلَّ وَرَسُولُهُ حَرَّمَ بَيْعَ الْخَنَازِيرِ وَبَيْعَ الْمَيْتَةِ وَبَيْعَ الْخَمْرِ وَبَيْعَ الْأَصْنَامِ

Maksudnya: “Dari Jabir bin Abdullah katanya, ia telah mendengar Rasulullah SAW bersabda pada tahun pembukaan kota Mekah, sesungguhnya Allah SWT dan Rasulnya telah mengharamkan jual beli babi, bangkai, arak dan patung berhala.”

Hukum penjualan barang-barang haram atau najis ini disepakati melalui ijma' para fuqaha, yang dengan tegas mengharamkan sebarang bentuk perniagaan melibatkan barang-barang seperti arak, babi, anjing, dan bangkai. Larangan ini bukan sahaja berdasarkan prinsip asas dalam Islam yang menekankan kebersihan dan kesucian, tetapi juga kerana perniagaan barang-barang najis tersebut boleh membawa mudarat yang meluas, termasuk kepada kesihatan dan moral masyarakat. Abdul Muhaimin Mahmood (2023) turut menegaskan bahawa larangan ini bertujuan untuk mencegah kemudaratan yang lebih besar serta mengekalkan kesejahteraan sosial dan alam sekitar. Pandangan fuqaha ini menggambarkan ijmak ulama yang berakar daripada kefahaman terhadap maqasid syariah, iaitu menjaga kemaslahatan umat dan mengelakkan kerosakan yang boleh berlaku akibat perniagaan melibatkan barang-barang yang najis dan haram.

### *Syarat Sah Jual Beli*

Pada halaman 86 KNL turut memperuntukkan hukum berkaitan kesahihan menjual barangan milik sendiri. Dalam prinsip asas muamalat, salah satu syarat utama jual beli adalah pemilikan sah (مملوك), yang bermaksud penjual mesti mempunyai hak milik dan kuasa penuh terhadap barang yang dijual. Sekiranya sesuatu barang bukan milik penjual, transaksi jual beli dianggap tidak sah melainkan penjual bertindak sebagai wakil yang sah bagi pemilik sebenar. Hukum ini menekankan kepentingan pemilikan sah dalam transaksi jual beli, sekaligus memastikan keadilan dan ketelusan dalam urusan perniagaan. Peruntukan ini adalah selaras dengan prinsip-prinsip syarak yang ditegaskan dalam al-Quran dan hadis. Sebagaimana firman Allah SWT:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَأْكُلُوا أَمْوَالَكُمْ بَيْنَكُمْ بِالْبُطْلِ إِلَّا أَنْ تَكُونَ بَحْرَةً عَنْ تَرَاضٍ مِّنْكُمْ ؕ

Maksudnya: “Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu makan (gunakan) harta-harta kamu sesama kamu dengan jalan yang salah (tipu, judi dan sebagainya), kecuali dengan jalan perniagaan yang dilakukan secara suka sama suka di antara kamu.”

(Surah al-Nisa (4): 29)

Hadis Rasulullah SAW juga memperkuat prinsip ini:

لَا يَحِلُّ لِرَجُلٍ أَنْ يَبِيعَ مَا لَيْسَ لَهُ

Maksudnya: “Tidak halal bagi seseorang menjual sesuatu yang bukan miliknya.”

(Hadis Riwayat Abu Daud, No. 3503)

Oleh itu, peruntukan dalam halaman 86, KNL mengenai kesahihan berniaga dengan barangan milik diri sendiri adalah konsisten dengan kehendak syarak, mengelakkan sebarang unsur penipuan atau penjualan tanpa hak yang sah.

#### *Keperluan Kuasa Untuk Menyerahkan Barang*

Peruntukkan dalam KNL pada halaman 86 juga menyatakan bahawa jual beli yang melibatkan barang milik orang lain, seperti hamba yang bukan milik penjual, adalah tidak sah kerana penjual tidak mempunyai kuasa untuk menyerahkan barang tersebut. Peruntukan hukum mengenai ketidaksahannya menjual hamba orang lain ini sejajar dengan pandangan ulama dalam Mazhab Syafi'i (Al-Muzanni, 2002) yang mengklasifikasikan penjualan barang yang tidak dimiliki sebagai sebahagian daripada jual beli *gharar*. Pandangan ini juga dikuatkan oleh Imam al-Muzanni (2002), sebagaimana yang dijelaskan oleh Muhammad Syamil Ibrahim (2021), yang menyatakan:

وَلَا يَحُورُ بِحَالٍ وَمَنْ يُبِيعَ الْعَرَّزَ عِنْدَنَا بَيْعٌ مَا لَيْسَ عِنْدَكَ

Maksudnya: “Tidak boleh (jual beli *gharar*) dalam apa keadaan sekalipun dan antara jual beli *gharar* menurut kami ialah jualan sesuatu yang tidak kamu miliki.”

(*Mukhtashar al-Muzani*: 185)

Peruntukan ini menunjukkan konsistensi prinsip hukum Islam dalam menangani isu ketidakpastian dan kerugian dalam transaksi, yang turut mengingatkan kita tentang pentingnya memiliki hak milik dalam setiap urusan jual beli, sebagai usaha untuk mengelakkan ketidakadilan dan penipuan dalam masyarakat.

#### *Kesahan Jual Beli*

Seterusnya, di dalam halaman 86 ini juga dinyatakan tentang hukum seorang wali yang mewakili kanak-kanak untuk berniaga adalah tidak sah sekiranya tiada dengan syarat. Perkara ini adalah selaras dengan ayat al-Quran dalam surah al-Nisa' (4) ayat yang ke lima (5) sebagaimana firman Allah SWT:

وَلَا تُؤْتُوا السُّفَهَاءَ أَمْوَالَكُمُ الَّتِي جَعَلَ اللَّهُ لَكُمْ قِيَامًا وَارْزُقُوهُمْ فِيهَا وَاكْسُوهُمْ وَقُولُوا لَهُمْ قَوْلًا مَعْرُوفًا

Maksudnya: “Dan janganlah kamu berikan (serahkan) kepada orang-orang yang belum sempurna akalnya akan harta (mereka yang ada dalam jagaan) kamu, (harta) yang Allah telah menjadikannya untuk kamu semua sebagai asas pembangunan kehidupan kamu; dan berilah mereka belanja dan pakaian dari pendapatan hartanya (yang kamu niagakan), dan juga berkatalah kepada mereka dengan kata-kata yang baik.”

(Surah al-Nisa' (4): 5)

Peruntukan dalam KNL mengenai ketidakabsahan wali mewakilkan kanak-kanak untuk berniaga adalah selaras dengan pandangan muktamad dalam mazhab Syafi'i. Menurut Muhd Farhan (2022), transaksi jual beli yang dilakukan oleh kanak-kanak dianggap tidak sah kerana individu yang terlibat dalam akad jual beli, sama ada sebagai penjual atau pembeli, mesti memenuhi syarat kematangan fikiran. Ini bermaksud bahawa mereka haruslah individu yang sudah baligh dan mampu menguruskan agama serta harta mereka dengan baik. Dalam konteks ini, kematangan fikiran merujuk kepada kebolehan seseorang untuk membuat keputusan yang rasional, yang hanya dimiliki oleh individu yang telah mencapai usia baligh. Oleh itu, transaksi yang melibatkan kanak-kanak tidak dianggap sah kerana mereka belum mencapai tahap kemampuan untuk menguruskan harta dengan bijaksana (Muhd Farhan, 2022).

Muhd Farhan (2022) menegaskan lagi bahawa dalam transaksi jual beli yang melibatkan kanak-kanak, keahlian seseorang dalam melaksanakan atau menjalankan sesuatu tindakan pengurusan atau transaksi perlu dipertimbangkan mengikut hukum syarak. Ini merujuk kepada konsep *Ahliyyah al-Ada'* (kelayakan melaksanakan tugas), yang berasaskan kepada kebolehan akal dan kemampuan berfikir, serta kebolehan membezakan antara perkara yang baik dan buruk (*tamyiz*) (Muhd Farhan, 2022). Perkara ini adalah selaras dengan pandangan Syeikh Wahbah al-Zuhaili, tindakan kanak-kanak boleh diklasifikasikan kepada tiga keadaan berikut (al-Zuhaili, t.t):

1. Tindakan yang memberi keuntungan semata-mata: Seperti menerima hadiah, wasiat, dan jaminan hutang. Tindakan ini sah dilakukan oleh kanak-kanak yang *mumaiyiz* tanpa perlu mendapatkan keizinan daripada ibu bapa atau wali, kerana tindakan tersebut memberi faedah kepada mereka.
2. Tindakan yang mendatangkan kemudharatan: Contohnya, memberi hibah, sedekah, pinjaman, atau menjamin hutang. Tindakan ini tidak sah dilakukan oleh kanak-kanak *mumaiyiz* yang belum baligh, walaupun mendapat keizinan daripada penjaga atau ibu bapa, kerana ia memberi mudarat terhadap harta kanak-kanak tersebut.
3. Tindakan yang melibatkan untung dan rugi: Seperti jual beli dan sewa-menyewa. Tindakan ini sah dilakukan oleh kanak-kanak *mumaiyiz* tetapi memerlukan keizinan atau kelulusan daripada wali.

Berdasarkan pandangan yang telah dibincangkan sebelumnya, dapat dirumuskan bahawa syarat untuk membolehkan kanak-kanak berniaga adalah seperti berikut; jika jual beli tersebut melibatkan barang-barang yang kecil, maka ia dianggap sah. Namun, untuk urusan niaga yang melibatkan barang-barang yang besar dan bernilai tinggi, keizinan serta kelulusan daripada penjaga adalah diperlukan.

Seterusnya pada halaman 86 dan sambungannya pada halaman tiga (3) dalam KNL, menyatakan tentang hukum jual beli barang yang boleh dilihat dan telah ditetapkan. Hal ini jelas dinyatakan dalam manuskrip KNL seperti berikut:

*“Bermula beniaga itu dua perkara suatu benda yang akan dilihat ....”*

(Kanun Negeri Lingga, 1862: 86)

Sambungan pada halaman tiga (3):

*“dilihat hendak dilihat maka sah beniaga kedua perkara benda yang diperikan (diberikan) hendak seperti katanya jangan lagi bersalahan seperti yang dikatanya itu tiada sah beniaga. Bermula orang beniaga harus ia memilih jika hendak dilakukannya peniagaannya atau dipulangkannya sementara belum cerai daripada tempatnya beniaga itu atau berjanji tiga hari berkenan diambilnya jika tiada berkenan dikembalikan. Bermula tiada sah beniaga hamba orang melainkan dengan izin tuannya akan hambanya itu.”*

(Kanun Negeri Lingga, 1862: 3)

Hukum yang terkandung dalam halaman 86 dan tiga (3) KNL berkaitan dengan jual beli yang melibatkan barang yang boleh dilihat dan telah ditetapkan sifat-sifatnya. Berikut adalah ringkasan hukum yang terkandung dalam kedua-dua halaman tersebut:

Halaman 86:

1. Hukum menjual barang yang boleh dilihat adalah sah jika barang tersebut jelas dan dapat dilihat oleh pihak yang membeli. Ini menunjukkan bahawa jual beli hanya sah jika objek yang dijual dapat dilihat atau diinspeksi oleh pembeli.
2. Hal ini menegaskan bahawa transaksi jual beli yang melibatkan barang yang tidak jelas atau tidak dapat dilihat (seperti barang *ghaib* atau yang belum pasti wujud) adalah tidak sah.

Halaman 3:

1. Hukum tentang jual beli menghendaki bahawa kedua-dua pihak (penjual dan pembeli) mempunyai hak untuk memeriksa barang sebelum transaksi diselesaikan.
2. Penjual dan pembeli diberikan hak untuk memutuskan sama ada untuk meneruskan atau membatalkan transaksi sebelum barang diserahkan, selagi belum ada keputusan muktamad, termasuk dalam tempoh tiga hari seperti yang dinyatakan.
3. Jual beli hamba tanpa izin tuannya adalah tidak sah. Ini menunjukkan bahawa transaksi jual beli yang melibatkan hamba memerlukan izin daripada tuannya, dan jika tidak ada izin tersebut, transaksi dianggap tidak sah dalam hukum Islam menurut KNL.

Secara keseluruhan, hukum dalam kedua-dua halaman ini menegaskan prinsip bahawa jual beli hanya sah jika barang yang diperjualkan jelas dan dapat dilihat, serta transaksi melibatkan hak milik yang sah dan izin yang diperlukan, terutama dalam konteks jual beli hamba.

Pernyataan pada halaman 86 dalam KNL ini menekankan bahawa jual beli hanya sah apabila objek yang dijual dapat dilihat dan telah jelas sifat-sifatnya. Pandangan ini seiring dengan pendapat Imam Taqiyuddin, yang dijelaskan oleh Shobirin (2015), bahawa terdapat tiga bentuk utama dalam transaksi jual beli, iaitu:

*“Jual beli ada tiga macam iaitu : 1) Jual beli barang yang kelihatan, 2) Jual beli yang disebutkan sifat-sifatnya dalam janji dan 3) Jual beli benda yang tidak ada.”*

Pandangan ini menggarisbawahi pentingnya kesepakatan dan kejelasan antara pihak-pihak yang terlibat dalam transaksi, kerana penetapan sifat dan keadaan barang merupakan asas dalam memastikan keadilan dan mengelakkan ketidakpastian atau *gharar*. Justeru itu, amalan jual beli yang melibatkan benda yang tidak jelas atau tidak dapat dilihat boleh membawa kepada masalah hukum, seperti yang ditekankan dalam KNL, di mana jual beli hamba tanpa izin tuannya adalah tidak sah. Ini juga mencerminkan prinsip Islam yang menekankan pentingnya transparansi dan kejujuran dalam transaksi perniagaan.

Seterusnya pada halaman tiga (3) KNL, peruntukan mengenai hukum *khiyar* dalam jual beli. Hukum ini sejalan dengan pandangan Imam Taqiyuddin Abu Bakr bin Muhammad al-Husayni (1994), yang menyatakan bahawa pembeli dan penjual berhak untuk melakukan *khiyar* selagi mereka belum berpisah dalam urusan jual beli tersebut, dengan tempoh yang dibenarkan selama tiga hari. Pandangan ini juga selaras dengan pendapat Imam Shafie dan Imam Abu Hanifah, yang turut menetapkan tempoh *khiyar* selama tiga hari. Sebaliknya, Imam Ahmad Ibn Hanbal tidak menetapkan had masa yang spesifik untuk *khiyar*. Tujuan *khiyar* adalah untuk memberi masa kepada kedua-dua pihak agar tidak terburu-buru dalam membuat keputusan, supaya mereka dapat mempertimbangkan tindakan mereka dengan lebih matang (Hasri Harun et al., 2017).

Sabiq (1988), menjelaskan bahawa *khiyar* adalah proses memilih antara dua perkara, iaitu melanjutkan atau membatalkan transaksi. Dalam konteks jual beli menurut hukum Islam, *khiyar* bermaksud memberi kebebasan kepada pembeli dan penjual untuk meneruskan atau membatalkan jual beli kerana sebab-sebab tertentu (Suhendi, 2007:83). Hukum *khiyar* ini dijelaskan dalam sebuah hadis sebagaimana berikut:

عن ابن عمر يقول : قال رسول الله صلى الله عليه وسلم : كل بيعين لا بيع بينهما حتى يتفرقا الا بيع الخيار

Maksudnya: Dari Ibnu Umar berkata: “Rasulullah SAW bersabda: masing-masing penjual dan pembeli, tidak akan terjadi jual beli di antara mereka sampai mereka berpisah, kecuali dengan jual beli *khiyar*.”

(Hadis Riwayat Muslim, No. 2)

Hadis ini menggambarkan bahawa *khiyar* bukan sahaja memberi kebebasan untuk membatalkan transaksi tetapi juga menghindarkan kerugian atau penipuan yang mungkin timbul jika kedua-dua pihak terpaksa meneruskan urusan jual beli dalam keadaan terburu-buru. Hal ini menekankan pentingnya prinsip keadilan dalam setiap transaksi perniagaan, di mana kedua-dua pihak diberikan hak yang adil untuk membuat keputusan berdasarkan pertimbangan yang matang dan tanpa paksaan.

Melalui pendekatan ini, *khiyar* juga dapat dilihat sebagai mekanisme yang menggalakkan kelestarian hubungan perniagaan yang baik antara penjual dan pembeli, kerana ia mengutamakan kejujuran, kehati-hatian, dan kesedaran terhadap hak dan tanggungjawab masing-masing dalam transaksi jual beli.

Selain itu, pada halaman tiga (3), KNL juga menyatakan bahawa hukum jual beli hamba tanpa izin tuannya adalah tidak sah. Hukum ini selaras dengan kaedah fiqh yang menyebutkan bahawa seseorang tidak boleh melakukan sebarang urusan jual beli ke atas barang milik orang lain tanpa mendapat izin daripada tuannya. Hal ini jelas dinyatakan dalam kaedah fiqh yang diterangkan oleh Wan Ahmad Naqiuddin (2020) sebagai berikut:

لَا يَجُوزُ لِأَحَدٍ أَنْ يَتَصَرَّفَ فِي مِلْكِ غَيْرِهِ بِإِذْنِهِ

Maksudnya: Tidak boleh untuk seseorang melakukan jual-beli ke atas barang milik orang lain tanpa izin tuannya.

Peruntukan ini menekankan prinsip penting dalam hukum Islam, iaitu hak milik sebagai elemen utama dalam memastikan keadilan dan keseimbangan dalam transaksi. Tanpa izin pemilik, transaksi menjadi tidak sah kerana ia bertentangan dengan hak individu atas harta miliknya. Ini bukan hanya soal teknikal hukum, tetapi juga tentang kejujuran dan perlindungan hak milik dalam masyarakat.

Mengikut perspektif fiqh, hak milik merupakan perkara yang tidak boleh dipindahkan tanpa izin yang sah, kerana ia boleh menyebabkan ketidakadilan dan kerugian bagi pihak yang berhak. Dalam konteks ini, KNL jelas mengutamakan perlindungan hak individu, yang juga merupakan prinsip asas dalam etika perniagaan Islam. Oleh itu, hukum ini bukan sahaja melibatkan aspek teknikal jual beli, tetapi juga memberikan satu penegasan tentang pentingnya menjaga maruah dan hak seseorang dalam masyarakat.

Pernyataan mengenai hukum mengembalikan barang yang dibeli sekiranya terdapat aib atau kecacatan juga dijelaskan dalam manuskrip KNL. Pada halaman empat (4) hingga lima (5), KNL menyatakan:

*“Bermula peri mengembalikan benda yang dibeli sebab ada aibnya apabila membeli suatu maka kelihatan atas benda itu aib sedia maka dikembalikan jikalau lambat mengembalikan benda itu dengan tiada harus dikembalikan apabila benda dilihat dikembalikan apabila benda itu dikembalikan segala tahunya dipercerainya seperti tahu manuja atau menyerat tiada harus dipintai oleh tuannya yang menebus.”*

(Kanun Negeri Lingga, 1862: 4)

*“Dapat dikembalikan jika dibelinya suatu benda pada tangannya yang membeli berjual benda itu maka celanya itu ada sedia dapat dikembalikan tetapi dihargakan benda itu jika dengan tiada aib seratus harganya jika aib baharu sembilan puluh dan jika dengan aib sedia dulapan puluh demikianlah.”*

(Kanun Negeri Lingga, 1862: 5)

Dalam manuskrip KNL pada halaman empat (4) hingga lima (5), peruntukan tentang hukum mengembalikan barang-barang yang telah dibeli apabila didapati terdapat kecacatan atau kerosakan sangat jelas. Jual beli yang melibatkan barang rosak, yang dalam konteks ini dianggap sebagai jual beli yang tidak sempurna, menjadikan akad tersebut tidak mengikat lagi, dan oleh itu barang tersebut harus dikembalikan (Wahbah al-Zuhayli, 1997).

Hukum mengenai pengembalian barang yang mengalami kecacatan ini sejajar dengan konsep *khiyar aib* dalam hukum Islam, yang memberikan hak kepada pembeli untuk mengembalikan barang jika terdapat kecacatan yang mengurangkan nilai atau manfaat barang tersebut. Para fuqaha memberi perhatian serius terhadap keharusan *khiyar aib* kerana ia bertujuan untuk melindungi barangan yang menjadi subjek dalam kontrak daripada sebarang kecacatan. Ini penting untuk memastikan barangan tersebut memberikan manfaat sepenuhnya kepada pemiliknya, serta memenuhi keperluan dan kehendak mereka (Murtadha, 1988). Konsep ini ditegaskan dalam sabda Rasulullah SAW seperti berikut:

اَلْمُسْلِمُ اَخُو الْمُسْلِمِ، وَلَا يَحِلُّ لِمُسْلِمٍ بَاعَ مِنْ اَخِيهِ نَيْعًا فِيهِ عَيْبٌ اِلَّا يَبِيْتَهُ لَهُ

Maksudnya: “Seorang muslim adalah saudara kepada muslim yang lain, seorang muslim dilarang untuk menjual sesuatu barang yang ada kecacatan padanya kepada saudaranya kecuali dia menyatakan tentang kecacatan itu.”

(Hadis Riwayat Ibn Majah, No. 2246)

Hadis ini menegaskan bahawa jika terdapat kecacatan pada barang yang dijual yang menjejaskan sifatnya, seperti mengurangkan nilai atau manfaatnya, pembeli berhak untuk mengembalikan barang tersebut kepada penjual (Nor Muhammad, 2008). Hak untuk mengembalikan barang ini juga dijamin oleh Imam al-Syafi'i, (t.t) yang menetapkan bahawa pengembalian harus dilakukan dengan segera (*al-fawr*) tanpa penangguhan. Ini adalah pandangan yang selaras dengan peruntukan dalam KNL pada halaman empat (4), yang menekankan kepentingan hak pembeli untuk mengembalikan barang yang cacat dengan segera.

Pendekatan ini bukan sahaja menjaga hak pembeli tetapi juga menekankan keadilan dalam transaksi jual beli, yang memastikan kedua-dua pihak, baik penjual dan pembeli, tidak dirugikan. Dalam hal ini, hukum yang diperuntukkan dalam KNL serta pandangan para ulama seperti Imam al-Syafi'i menegaskan pentingnya keterbukaan dalam transaksi dan perlindungan terhadap hak-hak kedua-dua pihak, khususnya dalam hal barang yang mempunyai kecacatan.

### ***Hukum Jual beli Rumah, Tanah dan Hasil buah-buahan***

Selain itu, dalam manuskrip KNL juga menyatakan tentang hukum jual beli rumah, tanah dan hasil buah-buahan sebagaimana pada halaman tiga (3) dan empat (4) menyatakan:

*“..... apabila beniaga rumah maka masuk/masak ke dalam rumah itu barang bertemu dalam rumah itu tiada harus dalam peniagaan itu barang segala”*

(Kanun Negeri Lingga, 1862: 3)

*“yang dapat dicarinya dalam rumah itu dikembalikan kepada yang empunya rumah itu. Fasal pada menyatakan berjual bumi masuk kayu-kayuan dalam bumi itu melainkan huma akan yang berjual jika tiada disebutkan jika ada yang diketam berulang-ulang seperti lada pertama ketamnya itu akan yang berjual kemudian akan orangembali dia melainkan berjanji oleh isti'dat (bersedia) kerana janji jikalau ada dalam bumi itu pohon kayu yang berbuah tiada disebutkannya buahnya itu jikalau berputik tatkala itu akan yang berjual maka jikalau belum berputik akan yang membeli.”*

(Kanun Negeri Lingga, 1862: 4)

Manuskrip KNL pada halaman tiga (3) dan empat (4) membincangkan hukum berkenaan jual beli rumah, tanah, dan hasil buah-buahan. KNL memberi panduan jelas mengenai perkara-perkara yang termasuk dalam urus niaga tersebut serta cara pengurusan barang-barang yang terdapat dalam kawasan yang dijual. Sebagai contoh, dalam jual beli rumah, dinyatakan bahawa barang-barang yang terdapat di dalam rumah tidak termasuk dalam transaksi melainkan dinyatakan secara khusus dalam akad. Begitu juga dalam penjualan tanah, hasil-hasil di atas tanah tersebut umumnya turut serta dalam urus niaga, kecuali dinyatakan secara berlainan dalam perjanjian. Misalnya, dalam jual beli tapak sawah, padi di atasnya tidak dianggap sebahagian daripada transaksi melainkan dinyatakan secara spesifik dalam akad (Jasni Sulong, 2010). Penekanan terhadap kejelasan dalam perjanjian ini bertujuan untuk mengelakkan sebarang ketidakpastian atau salah faham yang boleh merugikan mana-mana pihak.

Selain itu, dalam konteks jual beli pokok kayu yang sedang berbuah, penjualan hasil buah yang sedang berputik atau yang akan datang mesti dinyatakan dengan jelas dalam perjanjian. Sekiranya sebahagian tanaman sedang berbuah dan sebahagian lagi tidak, unsur ketidakpastian (*gharar*) timbul, yang boleh memberi risiko kepada salah satu pihak (Shobirin, 2015). Kewujudan elemen *gharar* ini melanggar prinsip jual beli yang adil dan telus, seperti yang disyariatkan dalam Islam.

Jual beli yang melibatkan *muhaqallah* atau *baqallah*, iaitu transaksi ke atas tanah, sawah, atau kebun yang hasilnya masih tidak pasti atau belum wujud, tergolong dalam kategori jual beli yang tidak sah. Ketidakpastian mengenai kewujudan atau kualiti hasil dari tanah atau kebun ini boleh menyebabkan pihak pembeli berasa tidak puas hati, atau penjual pula merasa tertipu (Shobirin, 2015). Jual beli jenis ini adalah dilarang kerana ia mengandungi unsur *gharar*, seperti yang ditegaskan dalam hadis Rasulullah SAW sebagaimana berikut:

عن أنس رضي الله تعالى عنه قال: " نهى رسول الله صلى الله عليه وسلم عن المحاقلة، والمخاضرة، والملامسة، والمنابذة،  
والمزابنة

Maksudnya: "Dari Anas bin Malik R.A. ia berkata: Rasulullah SAW melarang jual beli *muhaqalah* (iaitu; jual beli buah yang masih di atas pohonnya), dan *muhadharah* (jual beli buah yang belum matang/masih hijau dan belum jelas kualitasnya), jual beli raba (iaitu; jual beli dengan tidak mengetahui ukuran, jenis dan kualiti barang), jual beli lempar dan jual beli *muzabanah*."

(Hadis Riwayat Al-Bukhari, No. 2037)

Hadis yang diriwayatkan oleh Anas bin Malik R.A. menyatakan bahawa Rasulullah SAW melarang beberapa bentuk jual beli yang mengandungi unsur ketidakpastian, seperti *muhaqalah* (jual beli buah yang masih di atas pokok), *muhadharah* (jual beli buah yang belum matang), dan *muzabanah* (jual beli hasil pertanian yang tidak diketahui kualitasnya). Larangan ini bertujuan untuk mengelakkan konflik dan penyesalan di kalangan pihak yang terlibat dalam transaksi, kerana unsur ketidakpastian boleh membawa kepada ketidakadilan dan merosakkan integriti urusan niaga.

Sejajar dengan prinsip yang ditetapkan dalam hadis tersebut, KNL turut menekankan kepentingan kejelasan dalam transaksi untuk memastikan keadilan dan mengelakkan ketidakpuasan pihak-pihak terlibat. Ketidakpastian dalam jual beli, sama ada berhubung dengan hasil pertanian, penjualan rumah, atau tanah, merupakan satu bentuk *gharar* yang perlu dielakkan. Fuqaha juga bersetuju bahawa transaksi yang tidak jelas mengenai objek atau hasilnya boleh menimbulkan konflik, dan oleh itu, ianya diharamkan dalam syariat Islam bagi menjaga kesejahteraan dan hak semua pihak.

### ***Hukum Sandar (Cagaran)***

Peruntukan berkaitan hukum sandar (gadai) untuk jaminan hutang turut dinyatakan dalam manuskrip KNL pada halaman enam (6). Contoh petikan dari KNL menyatakan:

*"Fasal peri pada menyatakan hukum sandar yang harus diperniagakan disandar pada hutang itu apabila dihutang itu sandar harus akan hutang sandar itu. Bermula jika hilang benda itu yang sandarkan itu dengan tiada taksirannya kerana orang yang empunya meriam sandar itu seperti orang*

*amanah jikalau dengan taksirannya memilih membayar setengah hutangnya orang yang menyandarkan itu tiada harus keluar benda yang disandarkan itu daripada tangan yang memegang sandar melainkan membayar hutangnya maka harus kembali sekadar itu apabila tiada mau orang yang menyandar mengambil sekadarnya tatkala sampai janji dijualkan oleh hakim akan pemayar hutangnya.”*

(Kanun Negeri Lingga, 1862: 6)

Teks ini menyentuh tentang hukum sandar (gadai) dalam urusan hutang-piutang. Berdasarkan teks ini, terdapat beberapa peruntukkan hukum yang dapat dikeluarkan:

1. Hutang yang disandar pada barang: Apabila seseorang berhutang, barang yang disandar (digadaikan) sebagai jaminan dianggap sah. Barang tersebut akan menjadi jaminan terhadap hutang sehingga hutang dilunaskan.
2. Kehilangan barang sandaran: Jika barang yang disandarkan hilang tanpa kesalahan pemegang gadai (orang yang memegang barang jaminan), maka ia dianggap sebagai orang amanah. Pemegang gadai tidak bertanggungjawab atas kehilangan barang tersebut kerana mereka bertindak dengan kepercayaan (amanah).
3. Penebusan sebahagian hutang: Jika pihak yang menyandarkan (pemberi gadai) ingin membayar sebahagian daripada hutangnya, mereka berhak melakukannya. Namun, barang sandaran tidak boleh dikeluarkan atau diambil kembali sehingga hutang dilunaskan sepenuhnya. Barang jaminan tetap berada dalam tangan pemegang sandar. Barang yang disandarkan hanya boleh dilepaskan daripada pemegang sandar setelah hutang dibayar sepenuhnya. Ini menunjukkan bahawa barang jaminan tidak boleh dituntut kembali oleh pemberi gadai melainkan setelah memenuhi kewajiban hutang.
4. Jualan oleh Hakim: Sekiranya pihak yang menyandarkan tidak membayar hutangnya setelah tiba waktu pembayaran, hakim boleh memerintahkan barang tersebut dijual untuk melunaskan hutang.

Peruntukkan dalam KNL ini menunjukkan konsep gadaian (*rahn*) dalam Islam, di mana barang jaminan disimpan sehingga hutang dibayar, dengan syarat pemegang barang jaminan bertindak sebagai pemegang amanah yang tidak boleh dipersalahkan atas kehilangan yang berlaku tanpa kelalaiannya.

### *Hutang Yang Disandar Pada Barang*

Peraturan yang terkandung dalam KNL ini selari dengan ayat al-Quran dalam surah al-Baqarah ayat yang ke 283 sebagaimana firman Allah SWT:

وَإِنْ كُنْتُمْ عَلَىٰ سَفَرٍ وَلَمْ تَجِدُوا كَاتِبًا فَرِهَانٌ مَّقْبُوضَةٌ ۗ

Maksudnya: “Dan jika kamu berada dalam musafir (lalu kamu berhutang atau memberi hutang yang bertempoh), sedang kamu tidak mendapati jurutulis, maka hendaklah diadakan barang gadaian untuk dipegang (oleh orang yang memberi hutang).”

(Surah al-Baqarah (2): 283)

Pandangan Imam Syafi’i, (t.t) mengenai ayat ini menegaskan bahawa barang sandaran boleh digunakan sebagai jaminan hutang, terutama dalam situasi di mana tidak terdapat penulis yang boleh mencatat perjanjian hutang tersebut.

فَكَانَ بَيِّنًا فِي الْآيَةِ الْأَمْرُ بِالْكِتَابِ فِي الْحَضَرِ وَالسَّفَرِ، وَذَكَرَ اللَّهُ - تَبَارَكَ اسْمُهُ - الرَّهْنَ إِذَا كَانُوا مُسَافِرِينَ، وَلَمْ يَجِدُوا كَاتِبًا  
فَكَانَ مَعْفُورًا

“Ayat ini menerangkan tentang perintah untuk mencatat hutang ketika dalam keadaan tidak bermusafir atau bermusafir, dan Allah SWT menyebut *ar-Rahn* sekiranya dalam keadaan musafir dan tidak ada penulis hutang maka ianya adalah logik.”

Selain itu, hadis Rasulullah SAW yang diriwayatkan oleh al-Bukhari dan Muslim memperkukuhkan amalan ini. Diriwayatkan bahawa:

أَشْتَرَى رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مِنْ يَهُودِيٍّ طَعَامًا بِنَسِيئَةٍ، وَرَهْنَهُ دِرْعَهُ.

Maksudnya: “Rasulullah SAW membeli makanan daripada seorang Yahudi secara kredit dan menggadai baju besi baginda padanya.”

(Hadis Riwayat al-Bukhari, No. 2096; Muslim, No. 1603)

Hadis ini menunjukkan bahawa sandaran digunakan sebagai jaminan dalam transaksi hutang walaupun ia melibatkan barangan seperti baju besi Rasulullah SAW, sekali gus menunjukkan fleksibiliti dan keabsahan amalan ini dalam konteks syariah.

#### *Kehilangan Barang Sandaran*

Dalam konteks kehilangan barang sandaran yang berlaku tanpa kecuaiian dari pihak pemegang gadai, mereka dianggap sebagai orang amanah (iaitu, pemegang barang dengan amanah) dan tidak bertanggungjawab atas kehilangan tersebut. Dalil yang mendasari prinsip ini adalah dari hadis dan prinsip umum amanah dalam Islam sebagai sabda Rasulullah SAW:

لَا ضَمَانَ عَلَى أَمِينٍ

Maksudnya: “Tidak ada tanggungan bagi orang yang amanah.”

(Hadis Riwayat Ibnu Majah, No. 2437)

Hadis ini menunjukkan bahawa pemegang amanah, termasuk dalam hal gadaian, tidak bertanggungjawab ke atas barang yang dipegang sekiranya ia hilang tanpa kecuaiian di pihaknya. Menurut ulama mazhab Hanafi, pemegang barang gadaian dianggap sebagai pemegang amanah, khususnya apabila dilihat dari sudut barang gadaian itu sendiri. Namun, apabila dilihat dari perspektif bahawa barang gadaian berfungsi sebagai harta yang setimpal dengan nilai hutang, pemegang tersebut dianggap sebagai pemegang yang bertanggungjawab ke atas penggantian. Dengan kata lain, bagi bahagian harga barang gadaian yang setara dengan hutang, pemegangnya dilihat sebagai pemegang pengganti, manakala baki yang melebihi hutang dianggap sebagai amanah di bawah tanggungannya (Hasan Ahmad, 2014).

Hasan Ahmad, (2014) turut menjelaskan bahawa kebanyakan ulama berpendapat, pemegang gadaian dianggap memegang barang tersebut sebagai amanah. Oleh itu, pemegang gadaian tidak diwajibkan mengganti barang yang hilang atau rosak kecuali jika berlaku kecuaiian, tindakan sengaja, atau melampaui batas. Dalam keadaan sedemikian, hutang penggadai tidak akan terhapus sama sekali.

#### *Penebusan Sebahagian Hutang*

Bagi penebusan sebahagian hutang atau pembayaran ansuran hutang, dalam syarak, prinsipnya adalah bahawa barang gadaian atau sandaran tidak boleh dilepaskan sehingga hutang

dilangsakan sepenuhnya. Ini berdasarkan prinsip gadaian dalam Islam yang menekankan keperluan hutang dibayar penuh sebelum barang yang dijadikan sandaran boleh dikembalikan kepada pemberi gadai. Sebagaimana Allah SWT berfirman:

وَإِنْ كُنْتُمْ عَلَىٰ سَفَرٍ ۖ وَمَا يَجِدُوا كَاتِبًا ۖ فَرِهَانٌ مَّقْبُوضَةٌ

Maksudnya: “Dan jika kamu berada dalam musafir (lalu kamu berhutang atau memberi hutang yang bertempoh), sedang kamu tidak mendapati jurutulis, maka hendaklah diadakan barang gadaian untuk dipegang (oleh orang yang memberi hutang).”

(Surah al-Baqarah (2): 283)

Ayat ini menjelaskan prinsip umum bahawa barang yang dijadikan sandaran atau cagaran adalah jaminan kepada hutang. Ia tidak boleh dilepaskan sehingga hutang diselesaikan, dan sekiranya sebahagian hutang dibayar, barang tersebut tetap dipegang sehingga seluruh hutang dijelaskan.

Rasulullah SAW bersabda:

الرَّهْنُ مَحْبُوسٌ بِحَقِّهِ الَّذِي ارْتَهَنَ بِهِ

Maksudnya: “Barang gadaian tetap berada di tangan orang yang memberi hutang sehingga ia melunasi hutangnya.”

(Hadis Riwayat al-Bukhari, No. 2511)

Hadis ini menegaskan bahawa barang gadaian tidak boleh dituntut kembali atau diambil sehingga hutang tersebut dibayar sepenuhnya. Ini menunjukkan bahawa pembayaran sebahagian hutang tidak mencukupi untuk melepaskan barang sandaran.

Kesimpulannya, dalil-dalil ini mendukung prinsip yang menyatakan bahawa pemegang gadaian adalah orang amanah dalam hal kehilangan tanpa kecuaiian, dan barang yang disandarkan tidak boleh ditebus atau dikeluarkan melainkan selepas hutang dilangsakan sepenuhnya.

#### *Jualan oleh Hakim*

Peruntukan dalam KNL juga selari dengan pandangan mazhab Hanbali yang menjelaskan bahawa barang yang dijadikan cagaran boleh dijual sekiranya hutang tidak dilunaskan dalam tempoh yang ditetapkan. Ibnu Qudamah dalam pandangannya menyatakan bahawa barang gadaian berfungsi sebagai jaminan bagi hutang, dan jika hutang tidak dapat dilangsakan, barang tersebut boleh digunakan untuk melunaskan hutang tersebut (Al-Zuhaili, 2003).

Selanjutnya, Abi Syuja' (2005), Khatib Syarbini (1995), dan Imam Qalyubi turut menyatakan pandangan yang sama mengenai konsep sandaran sebagai jaminan hutang. Mereka menegaskan:

جعل عين مالية وثيقةً بدين يُستوفى منها عند تعذر الوفاء.

Maksudnya: “Menjadikan sesuatu bentuk harta yang mempunyai nilai sebagai sandaran hutang yang boleh dicagar dengannya sekiranya terdapat kesukaran untuk menjelaskan hutang tersebut.”

Kesimpulannya, peruntukan hukum sandar dalam KNL selari dengan prinsip-prinsip syariah yang menekankan aspek keadilan dan ketelusan dalam urusan niaga, terutamanya dalam transaksi

yang melibatkan hutang. Penekanan pada kejelasan dalam akad dan perlindungan hak kedua-dua pihak amat penting bagi mengelakkan pertikaian yang boleh merugikan mana-mana pihak. Ini membuktikan keselarasan hukum dalam KNL dengan ajaran al-Quran, hadis, dan pandangan fuqaha.

### ***Hukum Muflis***

Selain sandaran, Kanun Negeri Lingga (KNL) turut membahas mengenai hukum muflis. Perkara ini dijelaskan dalam manuskrip pada halaman enam (6) dan tujuh (7), seperti berikut:

*“Fasal peri pada menyatakan orang muflis barang siapa banyak piutangnya daripada artanya oleh segala yang ampunnya ”*

(Kanun Negeri Lingga, 1862: 6)

*“arta pada muflis itu daripada melakukan kehendaknya dalam artanya maka ditahan hakim bahawa muflis itu melakukan kehendaknya dalam artanya apabila ada seorang daripada ampunya arta mendapat ain benda dalam artanya muflis itu baki ia mengambil artanya jika hendak ia dipeniagakan diambilnya setengah artanya yang tinggalnya diambilnya dua ringgitnya segala yang nyata dengan yang ampunya arta yang kemudian daripada ditahan oleh hakim tiada dalam segala yang fasal kelakuan dalam artanya tiada sah itu memberi dagangan.”*

(Kanun Negeri Lingga, 1862: 7)

Pernyataan ini menggariskan kedudukan individu yang berhutang lebih daripada hartanya (muflis). Pernyataan ini juga adalah selaras dengan pandangan jumhur fuqaha, khususnya dalam Mazhab Syafi'i, bahawa seorang penghutang yang muflis boleh dikenakan sekatan daripada menguruskan hartanya. Sekatan ini adalah untuk melindungi hak pemiutang daripada terjejas. Sebagaimana yang dinyatakan oleh Al-Zuhayli (1997), sekatan ini bertujuan untuk memastikan bahawa hak pemiutang terjaga.

Pandangan ini juga disokong oleh hadis Rasulullah SAW yang diriwayatkan oleh Abu Sa'id al-Khudri R.A., mengenai seorang yang berhutang besar akibat kerosakan hasil tanamannya (Al-Nawawi, 1996). Rasulullah SAW bersabda:

Maksudnya: “Bersedekahlah untuknya”, maka orang-orang pun bersedekah untuknya. Akhirnya Rasulullah SAW berkata kepada para pengagih hutang: “Ambillah apa yang kalian dapati (dari hartanya), dan tidak ada lagi selain itu.”

(Hadis Riwayat Sahih Muslim, No. 1556)

Selaras dengan hadis ini, sekatan ke atas harta penghutang hanya boleh dilakukan atas perintah hakim. Sekiranya hakim mengeluarkan perintah, maka penghutang muflis tidak boleh membuat sebarang transaksi dengan hartanya, termasuk mendermakan harta, membuat pertukaran, atau berhutang lebih lanjut. Tambahan pula, hakim juga mempunyai kuasa untuk menjual harta penghutang bagi melunaskan hutangnya (Al-Zuhayli, 1997). Hakim atau mahkamah juga mempunyai kuasa untuk menjual harta penghutang dan mengagihkan hasilnya untuk pembayaran kepada semua pemiutang (Azmi, 2017).

Seterusnya, KNL juga menyentuh mengenai hukum sah suluh bagi individu muflis. Peruntukan ini dijelaskan pada halaman tujuh (7) manuskrip:

*“Bermula kanak-kanak dan wakil dan orang yang berlaki kelakuannya dalam artinya sehingga muflis daripada jalannya itu sah suluh kemudian daripada ikrar dalam segala arta tiada sah suluh dalam menukar dan pada orang yang tiada bertentu.”*

(Kanun Negeri Lingga, 1862: 7)

Penjelasan ini menegaskan bahawa suluh atau sekatan terhadap orang muflis adalah selaras dengan pandangan fuqaha' mengenai *al-hajr* (sekatan), yang dikenakan untuk melindungi hak pemiutang. Al-Zuhayli (1996) menyatakan bahawa sekatan ini terbahagi kepada dua kategori; (i) sekatan demi kepentingan individu (seperti kanak-kanak, orang gila, atau orang yang membazir); dan, (ii) sekatan demi kepentingan pihak lain, termasuk muflis, untuk memastikan harta mereka tidak disalahguna dan hak pemiutang terpelihara.

Pandangan fuqaha' dalam hal ini menggariskan beberapa aspek sekatan terhadap muflis (Al-Zuhayli, 1996):

1. Muflis tidak dibenarkan mendermakan harta.
2. Muflis dilarang melakukan pertukaran harta secara bebas.
3. Penghutang muflis diwajibkan mengagihkan hartanya kepada pemiutang mengikut perintah mahkamah.
4. Pemiutang berhak melarang muflis daripada bermusafir untuk mengelakkan hutang tertunggak.

Secara keseluruhannya, peruntukan hukum muflis dalam KNL menunjukkan keselarasan dengan prinsip fiqh muamalat dan pendapat fuqaha' seperti Imam Syafi'i, di mana sekatan adalah mekanisme penting untuk melindungi kepentingan pemiutang dan mengekalkan keadilan dalam urusan hutang.

### ***Hukum Suluh***

Pada halaman lapan (8) dan sembilan (9) dalam manuskrip KNL menyatakan tentang hukum sah suluh dalam enam (6) keadaan seperti berikut;

*“Adapun yang pertama seseorang menuntut rumah pada tangan seorang maka ikrar akan rumah itu maka pada disuluhkan rumah itu atas seratus timah maka suluh itu seperti hukum beniaga dapat memilih jika diturutnya pada ketika itu berjanji tiga hari .....*”

(Kanun Negeri Lingga, 1862: 8)

*“..... yang kedua bagi jika menuntut seorang laki-laki seratus dinar emas maka ikrar ia maka disuluhkan dengan seribu dinar dirham perak seperti hukum beniaga emas perak .... ”*

(Kanun Negeri Lingga, 1862: 8)

*“..... ketiga bagi jika dua suluhkan dengan lima dinar emas adalah hukumnya seperti muflis kena setengahnya ... ”*

(Kanun Negeri Lingga, 1862: 8)

*“..... keempat bagi jika seorang laki-laki menuntut rumah atau kampung maka ikrar akan tuntutananya maka disuluhkan bahawa akan di kediamannya setahun oleh hukumnya seperti yang dipinjamnya...”*

(Kanun Negeri Lingga, 1862: 8-9)

“..... yang kelima jika suluh madie dengan madaa ‘alaih daripada rumah dua serahkan pada hambanya seorang baginya setahun adalah suluh itu ijabat namanya yakni didakwanya oleh seorang laki-laki ikrar ia tetapi kata madaa ‘alaih diperserahkan hambaku setahun lamanya tiadalah diberinya upah hambaku itu oleh madie sebab setahun di kediaman madaa ‘alaih oleh suluh ijabat namanya ...”

(Kanun Negeri Lingga, 1862: 9)

“..... keanam jika seorang laki-laki menuntut rumah anak kampung maka ikrar ia maka disuluh akan atas setengahnya adalah seratus pemberian tiada suluh melainkan pertama hendak berpatutan harus mengakui hutang orang lain apabila diketahuinya oleh mengaku bakinya dan kadar tunai atau berutanglah benda yang diakui itu dan tiada sah mengaku melainkan yang berlaku kelakuannya dalam hukum syarie.”

(Kanun Negeri Lingga, 1862: 9)

Pada halaman lapan (8) dan sembilan (9), Kanun Negeri Lingga (KNL) menyatakan tentang pelbagai hukum sah suluh yang melibatkan urusan pemindahan hak milik, jual beli rumah, emas dan perak, serta aspek hukum tuntutan harta. Beberapa peruntukan yang dinyatakan mencakupi pemindahan hak milik rumah, jual beli emas dengan perak, dan sah suluh lima dinar emas, yang dikaitkan dengan hukum muflis.

#### Peruntukan Pertama

Peruntukan pertama menggariskan syarat-syarat yang perlu dipenuhi dalam jual beli, pengakuan pemilikan, penawaran harga, dan hak *khiyar*. Penghuraian peruntukan ini selari dengan prinsip-prinsip Islam, yang dibuktikan melalui dalil-dalil al-Quran dan hadis.

#### Pengakuan (ikrar) Pemilikan

Pengakuan mengenai pemilikan rumah dalam transaksi ini merupakan elemen penting dalam kontrak jual beli menurut Islam. Ajaran Islam menekankan kepentingan ikrar sebagai tanda amanah dan kesahihan sesuatu transaksi. Surah an-Nisa' (4:58) menggariskan kewajipan untuk menyampaikan amanah dan melaksanakan hukum dengan adil. Dalam konteks ini, pengakuan pemilikan rumah yang diperjelas dalam KNL mencerminkan keperluan untuk memastikan hak milik individu adalah sah sebelum urusan jual beli diteruskan.

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُكُمْ أَنْ تُؤَدُّوا الْأَمَانَاتِ إِلَىٰ أَهْلِهَا وَإِذَا حَكَمْتُمْ بَيْنَ النَّاسِ أَنْ تَحْكُمُوا بِالْعَدْلِ ۗ إِنَّ اللَّهَ نِعِمَّا يَعِظُكُمْ بِهِ ۗ إِنَّ اللَّهَ كَانَ سَمِيعًا بَصِيرًا

Maksudnya: “Sesungguhnya Allah menyuruh kamu supaya menyerahkan segala jenis amanah kepada ahlinya (yang berhak menerimanya), dan apabila kamu menjalankan hukum di antara manusia, (Allah menyuruh) kamu menghukum dengan adil. Sesungguhnya Allah dengan (suruhanNya) itu memberi pengajaran yang sebaik-baiknya kepada kamu. Sesungguhnya Allah sentiasa Mendengar, lagi sentiasa Melihat.”

(Surah an-Nisa (4): 58)

#### Jual Beli dan Penawaran Harga

KNL turut menggariskan aspek penawaran harga dalam jual beli rumah, seperti yang dinyatakan "seratus timah" sebagai ukuran nilai. Ini bertepatan dengan prinsip jual beli dalam

Islam yang mengesahkan keabsahan sesuatu urusan niaga sekiranya kedua-dua pihak bersetuju dengan harga yang ditetapkan. Al-Quran menyatakan bahawa jual beli adalah amalan yang dibenarkan dan sebaliknya, riba adalah dilarang.

وَأَحَلَّ اللَّهُ الْبَيْعَ وَحَرَّمَ الرِّبَا ۗ

Maksudnya: “Padahal Allah telah menghalalkan berjual-beli (berniaga) dan mengharamkan riba.”

(Surah al-Baqarah (2): 27)

Dalam kes ini, jual beli rumah dengan penetapan harga yang jelas menunjukkan kepatuhan terhadap prinsip syariah, di mana setiap pihak terlibat diberi hak untuk menilai, bersetuju, atau menolak tawaran harga yang diberikan.

#### *Hak Khiyar (Hak Pilih)*

KNL turut membenarkan hak *khiyar*, iaitu hak untuk memilih sama ada ingin meneruskan atau membatalkan transaksi dalam tempoh tertentu. Ini selari dengan hadis yang diriwayatkan oleh Ibnu Majah, di mana Rasulullah SAW memberikan kelonggaran kepada pembeli untuk menilai barang yang dibeli dan membuat keputusan muktamad dalam masa tiga hari.

قَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: إِذَا أَنْتَ بَايَعْتَ فَعَلْ لَّا خِلَابَةَ. ثُمَّ أَنْتَ فِي كُلِّ مِلْعَةٍ ابْتِغَاءَهَا بِالْخِيَارِ ثَلَاثَ أَيَّامٍ فَإِنْ رَضِيتَ فَأَمْسِكْ وَإِنْ سَخِطْتَ فَأَرُدُّهَا عَلَى صَاحِبِهَا

Maksudnya: “Nabi SAW bersabda: Apabila kamu menjual maka katakanlah dengan jujur dan jangan menipu. Jika kamu membeli sesuatu maka engkau mempunyai hak pilih selama tiga hari, jika kamu rela maka ambillah, tetapi jika tidak maka kembalikan kepada pemiliknya.”

(Hadis Riwayat Ibnu Majah, No. 2355)

Pemberian hak *khiyar* ini penting dalam memastikan setiap transaksi dilakukan dengan penuh kejujuran dan tiada unsur paksaan, membolehkan pihak terlibat menilai dengan teliti sebelum membuat keputusan akhir.

Penyusunan peruntukkan dalam KNL ini mencerminkan keharmonian antara hukum syariah dan undang-undang tempatan yang melibatkan urusan jual beli dan pengurusan harta. Kejelasan dalam pengakuan pemilikan, penawaran harga, dan hak *khiyar* adalah penting untuk memastikan hak setiap pihak terjaga dan transaksi berjalan dengan adil dan telus. Sumber dari al-Quran dan hadis memperkukuh lagi prinsip-prinsip ini, memberi panduan yang sahih dalam menjalankan transaksi muamalat. Tambahan pula, prinsip *khiyar* dalam KNL mengukuhkan lagi keabsahan transaksi yang berlaku dalam lingkungan perlindungan hak yang sewajarnya. Dengan merujuk kepada pandangan fuqaha' seperti Imam Syafi'i dan dalil-dalil syariah, peruntukan ini memperlihatkan keselarasan antara hukum Islam dan amalan tempatan yang diamalkan di Lingga.

#### Peruntukan Kedua

Peruntukan yang kedua dalam KNL merujuk kepada penyelesaian hutang dengan menukar emas kepada perak, yang perlu dilakukan mengikut hukum jual beli Islam yang melarang riba. Dalam konteks ini, larangan *riba al-fadl* adalah penting kerana ia mengawal penukaran dua barang *ribawi* (seperti emas dan perak) yang berlainan kuantiti, kecuali pertukaran tersebut

dilakukan secara tunai dan adil. Penukaran emas (dinar) dengan perak (dirham) hendaklah berlaku tanpa sebarang penangguhan untuk mengelakkan riba. Ini memastikan bahawa perdagangan yang melibatkan kedua-dua mata wang ini mengikuti prinsip pertukaran yang adil dan menghindari eksploitasi ekonomi melalui riba, yang boleh menjejaskan keadilan dalam muamalat. Ketentuan dalam KNL ini selari dengan prinsip Hadis sebagaimana berikut:

الذَّهَبُ بِالذَّهَبِ وَالْفِضَّةُ بِالْفِضَّةِ وَالْبُرُّ بِالْبُرِّ وَالشَّعِيرُ بِالشَّعِيرِ وَالتَّمْرُ بِالتَّمْرِ وَالْمِلْحُ بِالمِلْحِ مِثْلًا بِمِثْلٍ سَوَاءٌ بِسَوَاءٍ يَدًا  
بِيَدٍ فَإِذَا اخْتَلَفَتْ هَذِهِ الْأَصْنَافُ فَيُعْطَا كَيْفَ شِئْتُمْ إِذَا كَانَ يَدًا يَدًا

Maksudnya: “Emas dengan emas, perak dengan perak, gandum dengan gandum, barli dengan barli, kurma dengan kurma, garam dengan garam; harus sama jumlah dan timbangannya serta dilakukan tunai. Jika jenis barang tadi berbeza. Apabila jenis-jenis (barangan ribawi) ini berbeza, maka jual belilah sebagaimana yang kamu mahu asalkan secara tunai (serah-terima secara langsung).”

(Hadis Riwayat Muslim, No. 1587)

Melalui peruntukan ini, KNL bukan sahaja mengesahkan kepatuhan kepada prinsip-prinsip fiqh muamalat tetapi juga menggambarkan keperluan untuk menjaga keadilan dalam urusan ekonomi. Ini menunjukkan pemahaman yang mendalam tentang kepentingan menghindari eksploitasi dalam perdagangan dan memastikan keseimbangan ekonomi, selari dengan nilai-nilai asas keadilan dalam Islam.

#### Peruntukan Ketiga

Peruntukan ketiga dalam KNL merujuk kepada perjanjian atau persetujuan antara dua pihak, di mana lima dinar emas telah ditetapkan sebagai jumlah yang dipersetujui. Sekiranya salah satu pihak yang terlibat dalam perjanjian itu jatuh muflis, maka hukumannya adalah bahawa pihak tersebut hanya perlu membayar atau memenuhi separuh daripada jumlah yang dipersetujui, iaitu setengah daripada lima dinar emas. Prinsip ini selari dengan hukum Islam yang memberikan ruang kepada mereka yang menghadapi kesulitan kewangan untuk diberi kelonggaran dalam memenuhi tanggungjawab kewangan mereka. Ia juga mencerminkan keadilan dalam urusan muamalat dengan mengakui keadaan realiti sosial yang berbeza di kalangan individu.

Pernyataan ini selari dengan dalil al-Quran yang menyarankan agar tempoh diberikan kepada mereka yang mengalami kesempitan hidup:

وَإِنْ كَانَ ذُو عُسْرَةٍ فَنَظِرَةٌ إِلَىٰ مَيْسَرَةٍ ۗ وَأَنْ تَصَدَّقُوا خَيْرٌ لَّكُمْ إِنْ كُنْتُمْ تَعْلَمُونَ

Maksudnya: “Dan jika orang yang berhutang itu sedang mengalami kesempitan hidup, maka berilah tempoh sehingga ia lapang hidupnya dan (sebaliknya) bahawa kamu sedekahkan hutang itu (kepadanya) adalah lebih baik untuk kamu, kalau kamu mengetahui (pahalanya yang besar yang kamu akan dapati kelak).”

(Surah al-Baqarah (2): 280)

Ayat ini menekankan aspek belas ihsan dan empati dalam urusan hutang piutang, di mana seseorang yang berada dalam kesulitan kewangan harus diberi kelonggaran untuk melunaskan hutangnya. Dalam konteks ini, KNL mengiktiraf prinsip keadilan dengan memberikan ruang kepada pihak yang muflis untuk membayar sebahagian daripada jumlah yang dipersetujui,

yang mencerminkan pendekatan Islam dalam menjaga keseimbangan sosial dan ekonomi serta menghindari kezaliman terhadap individu yang tidak mampu.

#### Peruntukan Keempat

Peruntukan keempat dalam KNL menggambarkan situasi di mana seorang lelaki membuat tuntutan terhadap sebuah rumah atau kampung, dan setelah tuntutan itu diakui, dia diberikan hak untuk tinggal di tempat tersebut selama setahun. Dalam kes ini, lelaki tersebut hanya diberikan hak untuk tinggal di rumah atau kampung tersebut seolah-olah dia meminjamnya, dan bukan sebagai pemilik mutlak. Ini menunjukkan bahawa hak pemilikan sepenuhnya tidak diberikan, tetapi hak penggunaan sementara sahaja.

Peruntukan ini merujuk kepada konsep pinjaman *al-'ariyah* dalam fiqh Islam, iaitu pinjaman di mana pemberi pinjaman membenarkan peminjam menggunakan sesuatu barangan atau harta untuk mengambil manfaat daripadanya tanpa sebarang bayaran. Walau bagaimanapun, hak milik barangan tersebut kekal pada pemberi pinjaman, dan peminjam hanya bertanggungjawab terhadap kerosakan atau penurunan nilai jika ia berlaku disebabkan oleh kecuaiannya (Ab. Ghani, A. M., (1997). Dalam konteks ini, individu yang meminjam harta tersebut hanya perlu menggunakannya sementara dan mengembalikannya dalam keadaan asal setelah tempoh penggunaan berakhir. *Al-'ariyah* menekankan sifat amanah dan kepercayaan antara pemberi pinjaman dan peminjam, dengan tanggungjawab untuk menjaga dan memelihara harta yang dipinjam.

Dalam konteks peruntukan ini, kita dapat melihat elemen keadilan dan kepercayaan dalam muamalat Islam, di mana hak guna sementara diberikan sebagai satu bentuk kelonggaran, tanpa mengabaikan prinsip-prinsip amanah. Ini juga menggalakkan penggunaan harta secara bertanggungjawab dan mengelakkan penindasan atau penyalahgunaan hak, selari dengan prinsip-prinsip fiqh yang menekankan kesejahteraan dan keadilan sosial.

#### Peruntukan Kelima

Peruntukan kelima dalam KNL merujuk kepada suatu bentuk perjanjian di mana seorang hamba diserahkan kepada pihak lain untuk tempoh satu tahun tanpa sebarang upah, dengan persetujuan yang diberikan oleh kedua-dua pihak. Perjanjian ini dikenali sebagai *suluh ijazah*, yang bermaksud ia berlaku dengan izin atau kebenaran dari salah satu pihak, menjadikannya sah di sisi hukum yang diterapkan dalam konteks tersebut. *Suluh ijazah* ini menyerlahkan konsep pinjaman atau pemberian izin sementara tanpa bayaran, yang melibatkan prinsip kerjasama dan persetujuan bersama. Pernyataan hukum ini selari dengan prinsip dalam al-Quran yang mendorong kerjasama dalam kebaikan dan ketakwaan, sebagaimana berikut:

وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالتَّقْوَىٰ ۖ وَلَا تَعَاوَنُوا عَلَى الْإِثْمِ وَالْعُدْوَانِ ۗ وَاتَّقُوا اللَّهَ ۖ إِنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعِقَابِ

Maksudnya: “Dan hendaklah kamu bertolong-tolongan untuk membuat kebajikan dan bertaqwa, dan janganlah kamu bertolong-tolongan pada melakukan dosa (maksiat) dan pencerobohan. Dan bertaqwalah kepada Allah, kerana sesungguhnya Allah Maha Berat azab seksaNya (bagi sesiapa yang melanggar perintahNya).”

(Surah al-Maidah (5): 2)

Ayat ini menekankan kewajipan umat Islam untuk saling membantu dalam hal-hal yang membawa kepada kebaikan dan ketakwaan, termasuk perbuatan memberi pinjaman atau

bantuan tanpa bayaran sebagai satu bentuk kebajikan. *Suluh ijazah* boleh dilihat sebagai contoh nyata kerjasama yang menyumbang kepada kesejahteraan sosial tanpa menuntut imbalan material, selari dengan ajaran Islam yang mengutamakan keadilan dan kepentingan bersama. Ini juga mencerminkan nilai-nilai moral dan tanggungjawab sosial dalam perjanjian-perjanjian yang dibuat secara sukarela dengan tujuan untuk membantu pihak lain tanpa sebarang niat untuk meraih keuntungan peribadi.

#### Peruntukan Keenam

Peruntukan keenam dalam KNL merujuk kepada situasi di mana seorang lelaki membuat tuntutan terhadap rumah atau harta yang berkaitan dengan kampung. Setelah pengakuan dibuat, persetujuan dicapai mengenai penyelesaian sebahagian daripada tuntutan tersebut. Penyelesaian ini menggabungkan prinsip *sulh* (perjanjian damai) yang adil, pengakuan hutang yang sah, serta kaedah pembayaran yang boleh dilakukan secara tunai atau secara tertangguh.

Dalam konteks hukum Islam, peruntukan ini mengandungi beberapa konsep penting termasuk *iqrar* (pengakuan), *sulh* (penyelesaian perselisihan), dan *'adl* (keadilan) dalam urusan harta. Setiap elemen ini memainkan peranan penting dalam memastikan penyelesaian pertikaian dilakukan dengan adil dan mengikut prinsip-prinsip syariah. Dengan demikian, pernyataan ini selari dengan prinsip-prinsip al-Quran dan hadis yang menekankan keadilan dan usaha untuk mendamaikan perselisihan.

#### *Dalil Berkaitan Penyelesaian Perselisihan (Sulh)*

Ayat berikut menekankan kepentingan *sulh* sebagai cara utama dalam menyelesaikan pertikaian harta dengan damai dan adil. Islam mendorong amalan *sulh* sebagai satu cara untuk mencapai keamanan dan mengelakkan pertikaian.

#### Firman Allah SWT:

وَإِنْ طَائِفَتَانِ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ اقْتَتَلُوا فَأَصْلِحُوا بَيْنَهُمَا ۚ فَإِنْ بَغَتْ إِحْدَاهُمَا عَلَى الْأُخْرَىٰ فَقَاتِلُوا الَّتِي تَبْغِي حَتَّىٰ تَفِيءَ إِلَىٰ أَمْرِ اللَّهِ ۚ فَإِنْ فَاءَتْ فَأَصْلِحُوا بَيْنَهُمَا بِالْعَدْلِ وَأَقْسِطُوا ۚ إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُقْسِطِينَ

Maksudnya: “Dan jika dua puak dari orang-orang yang beriman berperang, maka damaikanlah di antara keduanya; jika salah satunya berlaku zalim terhadap yang lain, maka lawanlah puak yang zalim itu sehingga ia kembali mematuhi perintah Allah; jika ia kembali patuh maka damaikanlah di antara keduanya dengan adil (menurut hukum Allah), serta berlaku adillah kamu (dalam segala perkara); sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang berlaku adil.”

(Surah al-Hujurat (49): 9)

#### *Dalil Berkaitan Keadilan Dalam Urusan Harta*

Dalam urusan harta dan hak, keadilan adalah elemen utama yang wajib dipatuhi dalam Islam. Dalil ini menekankan kewajiban untuk menegakkan keadilan ketika menjalankan hukum serta dalam urusan penyelesaian harta.

#### Firman Allah SWT:

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُكُمْ أَنْ تُؤَدُّوا الْأَمَانَاتِ إِلَىٰ أَهْلِهَا وَإِذَا حَكَمْتُمْ بَيْنَ النَّاسِ أَنْ تَحْكُمُوا بِالْعَدْلِ ۚ إِنَّ اللَّهَ نِعِمَّا يَعِظُكُمْ بِهِ ۗ إِنَّ اللَّهَ كَانَ سَمِيعًا بَصِيرًا

Maksudnya: “Sesungguhnya Allah menyuruh kamu supaya menyerahkan

*segala jenis amanah kepada ahlinya (yang berhak menerimanya), dan apabila kamu menjalankan hukum di antara manusia, (Allah menyuruh) kamu menghukum dengan adil. Sesungguhnya Allah dengan (suruhanNya) itu memberi pengajaran yang sebaik-baiknya kepada kamu. Sesungguhnya Allah sentiasa Mendengar, lagi sentiasa Melihat.”*

(Surah an-Nisa (4): 58)

Semua peruntukan ini mencerminkan prinsip-prinsip *sulh* (penyelesaian damai) dan *iqrar* (pengakuan) dalam urusan tuntutan dan penyelesaian perselisihan, yang disesuaikan dengan amalan dalam KNL. Kesimpulannya, keenam-enam peruntukan suluh dalam manuskrip KNL menekankan prinsip keadilan dan persetujuan dalam menyelesaikan tuntutan harta dan perselisihan. Penggunaan konsep *iqrar* dan *sulh* mencerminkan penekanan terhadap penyelesaian konflik secara damai, selaras dengan prinsip perundangan Islam. Peruntukan ini menunjukkan fleksibiliti undang-undang tempatan dalam menangani pelbagai situasi, sambil memastikan bahawa kedua-dua pihak mendapat keadilan dalam urusan harta dan hak. Ini membuktikan relevansi nilai-nilai Islam dalam konteks penyelesaian perselisihan, baik pada masa lalu mahupun dalam amalan undang-undang moden.

### ***Hukum Memberi Modal***

Seterusnya, dalam manuskrip KNL, terdapat pernyataan mengenai hukum pemberian modal pada halaman 11, seperti berikut:

*“Fasal peri memberi modal kepada seorang bahawa berkata yang memberi emas kepada yang disuruhnya ambil olehmu dinar emas atau perak peniagaan olehmu labanya akan kita akan angkur sekalian labanya hendaklah ditentukan akan laba peniagaan itu antara binasa atau rugi tiada dapat menyilih ia peniagaan itu atau hilang arta itu jika tiada dengan taksirannya.”*

(Kanun Negeri Lingga, 1862: 11)

Pada halaman 11 ini, KNL menyatakan bahawa hukum memberi modal kepada seseorang untuk tujuan perniagaan adalah diharuskan dalam Islam. Pernyataan ini sejajar dengan amalan yang dilakukan oleh Rasulullah SAW ketika beliau menguruskan perniagaan Siti Khadijah di negeri Syam. Dalam konteks ini, risiko kerugian yang ditanggung oleh pemodal tidak dianggap sebagai kesalahan, melainkan sebahagian daripada ketentuan yang sah dalam prinsip muamalat Islam. Hal ini selaras dengan prinsip *qiradh* dalam hukum Islam, yang melibatkan beberapa rukun dan syarat tertentu, antaranya:

1. Pemodal (*Malik*) - Orang yang menyediakan modal.
2. Pelaksana (*Amil*) - Individu yang mengurus dan menjalankan perniagaan.
3. Aktiviti Perniagaan (*Amal*) - Aktiviti dagangan yang dilakukan.
4. Modal (*Mal*) - Harta yang digunakan untuk perniagaan.
5. Keuntungan (Untung) - Pulangan dari perniagaan.
6. Ijab dan kabul (*Sighah*) - Pernyataan perjanjian antara pemodal dan pelaksana.

Kesemua enam elemen ini perlu dipenuhi dengan teliti untuk memastikan bahawa *qiradh* tersebut sah menurut hukum Islam dan tidak melibatkan unsur penipuan atau ketidakadilan (Idris Ahmad, 1983: 118). Elemen-elemen ini penting untuk menjaga keseimbangan dan

keadilan dalam urusan perniagaan, mengelakkan riba, serta melindungi hak-hak kedua-dua pihak yang terlibat.

### ***Menjaga Amanah***

Manakala, berkaitan dengan hukum menjaga amanah harta, peruntukan mengenai hal ini juga dinyatakan dalam KNL. Peruntukan undang-undang mengenai menjaga amanah harta ini dijelaskan pada halaman 11 dan 12, KNL seperti berikut:

*“Fasal peri amanat apabila tertaruh umamah itu pada seorang jika .....”*

(Kanun Negeri Lingga, 1862: 11)

*“diterimanya hendaklah dipelihara umamah itu pada tempat memelihara artanya itu seperti umamah nya itu maka jadi binasa umamah itu tiada ditaksirnya tiada ia menyilih maka jadi dipakai oleh orang yang menaruh umamah itu jika dengan izin yang empunya umamah sekalipun pada ketika dipakainya ia itu binasa hendaklah disilihnya apabila berlayar yang menerima umamah itu dikembalikan kepada empunya umamah jika tiada empunya umamah maka kepada wakilnya qadhi atau kepada amin dibawanya jika dibawanya berlayar jika binasa disilihnya.”*

(Kanun Negeri Lingga, 1862:12)

Peruntukan pada halaman 11 dan 12 ini jelas menyentuh tentang kewajipan menjaga amanah harta dan kewajipan mengembalikannya kepada pemilik asal. Dalam konteks undang-undang Islam, ini berkaitan dengan konsep wadi'ah ( وديعة ), yang merujuk kepada amanah atau kepercayaan untuk menjaga harta seseorang. Hukum menjaga amanah ini seiring dengan prinsip yang ditegaskan dalam al-Quran dan hadis. Sebagaimana firman Allah SWT:

﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُكُمْ أَنْ تُؤَدُّوا الْأَمَانَاتِ إِلَىٰ أَهْلِهَا وَإِذَا حَكَمْتُمْ بَيْنَ النَّاسِ أَنْ تَحْكُمُوا بِالْعَدْلِ﴾

Maksudnya: “Sesungguhnya Allah menyuruh kamu supaya menyerahkan segala jenis amanah kepada ahlinya (yang berhak menerimanya), dan apabila kamu menjalankan hukum di antara manusia, (Allah menyuruh) kamu menghukum dengan adil.”

(Surah al-Nisa' (4): 58)

Menurut Idris Ahmad (1983), amanah hendaklah diserahkan kepada individu yang layak mengurusnya (*tasarruf*), dan perjanjian mengenai amanah ini haruslah dilakukan dengan *sighah* (ijab dan kabul). Jika barang amanah tersebut hilang, tidaklah menjadi kewajipan bagi penerima amanah untuk menggantikan barang tersebut, selaras dengan hadis Nabi SAW, yang menyatakan:

Maksudnya: “Dari Amar bin Syuib dari bapanya, dari neneknya, dari Nabi SAW, bersabda beliau: “Barang siapa disertai suatu petaruh, maka tidaklah wajib atasnya mengganti.”

(Riwayat Ibnu Majah, No. 2401)

Peruntukan ini mengukuhkan kefahaman bahawa KNL mengamalkan prinsip muamalat Islam yang menekankan keadilan dan tanggungjawab dalam menjaga harta amanah.

Berdasarkan dalil al-Quran, hadis, dan pandangan ulama mengenai beberapa peruntukan undang-undang muamalat yang terdapat dalam manuskrip KNL yang merangkumi halaman 85 hingga 86, serta halaman 3 hingga 12, menunjukkan bahawa undang-undang yang terkandung dalam manuskrip ini mempunyai keselarasan yang signifikan dengan prinsip-prinsip muamalat Islam. Justeru, ini membuktikan bahawa peruntukan undang-undang muamalat dalam manuskrip KNL tidak hanya mengikut prinsip undang-undang Islam, tetapi juga menunjukkan bahawa manuskrip ini dipengaruhi secara langsung oleh prinsip-prinsip Islam.

Secara keseluruhannya, peruntukan-peruntukan dalam KNL ini mengukuhkan bahawa sistem perundangan yang diamalkan pada waktu itu tidak hanya berlandaskan pada tradisi tempatan, tetapi juga dipengaruhi dan diselaraskan dengan undang-undang Islam. Ini membuktikan bahawa KNL bukan sahaja relevan dalam konteks sejarah perundangan tempatan, tetapi juga memberikan gambaran bagaimana nilai-nilai Islam dapat diterapkan dalam kehidupan sosial dan ekonomi masyarakat pada masa itu.

### **Pengaruh dan Relevansi Manuskrip Kanun Negeri Lingga dalam Pembentukan Sistem Undang-Undang Semasa di Sarawak**

Manuskrip Kanun Negeri Lingga (KNL) merupakan salah satu teks perundangan yang berakar umbi dalam tradisi undang-undang Islam di Alam Melayu, termasuk Sarawak. Sebelum kedatangan penjajahan, masyarakat Islam di Sarawak telah mempraktikkan prinsip-prinsip KNL dalam kehidupan mereka, khususnya dalam bidang muamalat, perkahwinan dan jenayah. KNL yang berlandaskan syariah ini memberi panduan dalam menguruskan kehidupan sosial dan ekonomi masyarakat, selain menjadi satu instrumen penting dalam mewujudkan keadilan. Ia mencerminkan nilai-nilai Islam yang menjadi asas utama dalam pembentukan struktur perundangan di Sarawak pada masa itu.

Manuskrip KNL telah memainkan peranan penting dalam membentuk struktur undang-undang Islam di Sarawak. Prinsip-prinsip yang terkandung dalam KNL, seperti larangan riba dalam urusan kewangan dan pengaturan hak waris dalam perkahwinan, diterima sebagai sebahagian daripada amalan perundangan Islam yang dilaksanakan di Sarawak. Dalam hal ini, KNL bukan sahaja menggambarkan sistem undang-undang berasaskan syariah, malah turut menjadi asas dalam peraturan perundangan yang lebih besar di Sarawak. Meskipun pada masa ini, perundangan moden seperti Akta Keluarga Islam dan Undang-Undang Pentadbiran Islam di Malaysia sudah diperkenalkan, asas yang terkandung dalam KNL masih wujud dalam beberapa aspek perundangan semasa, seperti dalam pengurusan kewangan Islam dan penegekan hak-hak individu dalam keluarga.

Walaupun Sarawak kini berada di bawah sistem undang-undang yang lebih moden dan kompleks, relevansi KNL tidak boleh diabaikan. Prinsip-prinsip yang terdapat dalam KNL seperti perlindungan amanah, larangan riba, dan kewajipan melaksanakan keadilan, masih boleh dilihat dalam pelbagai aspek perundangan semasa, terutamanya dalam hal-hal berkaitan kewangan Islam dan penyelesaian pertikaian. Sebagai contoh, dalam pelaksanaan transaksi muamalat yang melibatkan pertukaran barang berharga seperti emas dan perak, prinsip-prinsip KNL masih diterapkan untuk memastikan urusan niaga tersebut selari dengan hukum syariah dan tidak melibatkan unsur-unsur yang bertentangan dengan ajaran Islam, seperti riba.

Mengintegrasikan prinsip-prinsip KNL dengan sistem undang-undang moden bukanlah satu perkara yang mudah. Namun, terdapat usaha-usaha untuk memadukan unsur-unsur undang-undang Islam dalam sistem perundangan semasa di Sarawak. Salah satu cabaran utama adalah memastikan kesesuaian prinsip KNL dengan perundangan moden yang berteraskan undang-undang sivil. Walaupun begitu, usaha integrasi ini mempunyai potensi yang besar untuk memperkaya sistem undang-undang di Sarawak, dengan memastikan bahawa prinsip keadilan, hak asasi, dan kesejahteraan sosial tetap dihormati dalam konteks moden.

Pengaruh KNL dalam pembentukan sistem undang-undang di Sarawak mempunyai implikasi yang mendalam terhadap pembangunan sosial dan ekonomi. Sebagai contoh, prinsip-prinsip kewangan Islam yang terkandung dalam KNL, seperti mudharabah dan musyarakah, menjadi asas dalam sistem kewangan Islam yang kini diamalkan di Sarawak. Implementasi prinsip-prinsip ini memberikan ruang untuk pembangunan ekonomi yang lebih adil dan seimbang, selari dengan nilai-nilai Islam yang menekankan keadilan dan kemakmuran bersama. Dalam konteks sosial, keberadaan KNL mengukuhkan ikatan sosial masyarakat Islam di Sarawak, kerana ia memberikan panduan yang jelas dalam urusan kehidupan harian dan menyelesaikan pertikaian secara adil.

Secara keseluruhannya, manuskrip KNL telah memberi sumbangan yang besar dalam pembentukan sistem undang-undang di Sarawak, terutamanya dalam bidang perundangan Islam. Walaupun sistem undang-undang moden kini lebih dominan, prinsip-prinsip yang terkandung dalam KNL masih relevan dan terus memberi impak dalam pengurusan undang-undang semasa di Sarawak. KNL bukan sahaja mengukuhkan sistem perundangan berasaskan syariah, tetapi juga memberikan panduan dalam mencapai keadilan sosial dan pembangunan ekonomi yang lebih seimbang. Oleh itu, usaha untuk mengintegrasikan KNL dalam sistem undang-undang semasa di Sarawak adalah penting bagi memastikan kelangsungan dan relevansinya dalam masyarakat moden.

## **KESIMPULAN**

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa Kanun Negeri Lingga (KNL) memperlihatkan kewujudan pengamalan undang-undang Islam sebelum kedatangan James Brooke di Sarawak. KNL mengandungi 88 halaman yang merangkumi pelbagai aspek undang-undang, termasuk Undang-Undang Islam (Syariah), Undang-Undang Pemerintahan Raja (Hukum Kanun Datu), Undang-Undang Adat Melayu Lingga, dan Undang-Undang Laut (berkaitan dengan pelabuhan, kapal, pelayaran, dan perahu dagang).

Kajian ini secara khusus berjaya menghuraikan aspek undang-undang muamalat dalam KNL, termasuk pengharaman riba, hukum berkaitan berniaga, syarat jual beli, jual beli tanah atau kebun, hukum mengenai cagaran, suluh, muflis, pemberian modal, dan penjagaan amanah. Semua peruntukan ini menunjukkan bahawa KNL mematuhi prinsip-prinsip hukum syarak dalam aspek ekonomi dan muamalat, sekali gus mengesahkan pengaruh besar undang-undang Islam dalam perundangan tempatan pada masa itu.

Dapatan utama kajian menunjukkan bahawa undang-undang muamalat dalam KNL adalah selaras dengan kehendak syarak, menunjukkan bahawa peruntukan-peruntukan tersebut dipengaruhi oleh undang-undang Islam. Kewujudan KNL ini menjadi salah satu bukti dalam memberi sumbangan yang bermakna untuk membentuk rangka perlembagaan Sarawak amnya dan perundangan Islam di Sarawak khasnya.

## **PENGHARGAAN**

Penghargaan terima kasih kepada kepada Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), UiTM Sarawak, Fakulti Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, dan Pusat Manuskrip Melayu, Perpustakaan Negara Malaysia atas kerjasama, sokongan, dan bantuan kemudahan yang diberikan dalam menyiapkan kajian ini.

## **RUJUKAN**

- Ab. Ghani, A. M. (1997). *Sistem kewangan Islam dan pelaksanaannya di Malaysia* (Tesis PhD, Universiti Malaya).
- Abdul Muhaimin Mahmood. (2023, Ogos 3). *Perkara haram dalam perniagaan. Bahan Ilmiah*: Portal Rasmi Muamalat dan Kewangan Islam, JAKIM. <https://e-muamalat.islam.gov.my/en/bahan-ilmiah/artikel/154-perkara-haram-dalam-perniagaan>.
- Abi Syuja'. (2005). Fathul Qarib. Beirut: Dar Ibn Hazm.
- Al-Muzanni, I. (2002). *Mukhtashar al-Muzanni 'ala Al-Umm*. Beirut: Dar Al-Kotob Al-Ilmiyah, h. 97.
- Al-Nawawi, Y. bin S. A. Z. (1996). *Syarh al-Nawawi 'Ala Muslim*. Dar al-Khair.
- Al-Zuhaili, W. (2003). *Financial Transactions in Islamic Jurisprudence (Vol. 2)*. Damascus: Dar al-Fikr.
- Al-Zuhaili, W. (t.t.). *Al-Fiqh al-Islami wa Adillatuhu*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Zuhayli, W. (1996). *Fiqh perundangan Islam* (Jil. 5) (Terj. A. Ahmad).
- Al-Zuhayli, W. (1997). *Al-Fiqh al-Islami wa Adillatuh* (Vol. 8). Damascus: Dar al-Fikr.
- Azmi, M. (2017). *Muflis dalam pandangan Mazhab Al-Shafi'i: Teori dan praktikal di Negara Brunei Darussalam*. UNISSA Press.
- Azuan Jemat. (2018). *Negeri Lingga Abad ke-17: Hak Adat Melayu Sarawak di Lembah Batang Lupar dan Sungai Lingga*. Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur. Dalam Seminar Hak dan Adat Bumiputera Melayu Sarawak (Dewan Hikmah, Kuching, 29 Januari 2018).
- Hasri Harun, Ariffin, M. A., & Omar, S. (2017). Prinsip Khiyar dalam jualan barangan: Kajian terhadap Akta Kontrak 1950 (Akta 136). *UMRAN – International Journal of Islamic and Civilizational Studies*, 4(1), 27–40.
- Hassan Ahmad, H. (2014). *Kaedah dan peraturan pajak gadai mengikut kehendak Islam*. Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang. <https://mufti.penang.gov.my>
- Ibrahim bin Muhammad bin Ahmad al-Baijuri. (1428H). *Hasyiyah al-Baijuri 'ala Fath al-Qarib al-Mujib* (Tashih: 'A. A. B. M. al-Saqqaf). Jakarta: Dar al-Kutub al-Islamiyyah.
- Ibrahim, M. S. (2021, Mac 10). *Hukum resell barang tanpa pengetahuan seller*. Artikel Irsyad Al-Fatwa, Siri Ke-558. <https://muftiwp.gov.my>
- Idris Ahmad, S. H. (1983). *Fiqh Syafie*. Kuala Lumpur: Penerbitan Pustaka Antara.
- Jasni Sulong (2010). Asimilasi hukum Islam dalam amalan perniagaan Melayu: Kajian ke atas beberapa manuskrip Melayu lama. *Jurnal Pengajian Melayu*, 21, 1–16. Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- Kanun Negeri Lingga (Disimpan dan diperolehi daripada waris Kerajaan Negeri Lingga).
- Khatib Syarbini. (1995). *Al-Iqna' hal al-faz Abi Syuja'* (Jil. 2, h. 297). Beirut: Dar al-Fikr.
- Muhammad al-Zuhaili. (2007). *Al-Mu'tamad fi al-fiqh al-Shafi'i* (Juz. 1). Damascus: Dar al-Qalam.
- Muhammad bin Ahmad al-Khatib al-Syirbini. (1415H). *Mughni al-Muhtaj Ila Ma'rifat Ma'ani Alfaz al-Minhaj* (Cet. 1, 2/323). T.Tpt: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.

- Muhd Farhan. (2022, Disember 29). *Hukum kanak-kanak melakukan transaksi jual beli*. Artikel Irsyad Al-Fatwa, Siri Ke-741. <https://muftiwp.gov.my>
- Nasrul Hisyam Nor Muhamad. (2008). Aplikasi sains dan teknologi dalam transaksi muamalah Islam: Rujukan Kepada Rukun-Rukun Akad Mengikut Perspektif Undang Undang Kontrak Islam. *Jurnal Teknologi*, 49(E) Dis, 81-91.
- Ros Asmaniza Abd Latif. (2003). *Kriteria Pemilihan Pasangan: Satu Kajian Di Kalangan Masyarakat Islam di Besut, Terengganu*. Universiti Malaya.
- Rossmann, G. B., & Rallis, S. F. (1998). *Learning in the field: An introduction to qualitative research*. Thousand Oaks, CA: Sage Publications.
- Sabiq, S. (1988). *Fiqh al-Sunnah*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Saimi Bujang, Abdul Razak Abdul Kadir, Noranizah Yusof, Fatimah Hamrie & Wan Ariffin Wan Yon (2022). Sejarah dan perkembangan pentadbiran Islam pada era pemerintahan Brooke di Sarawak. *Journal of Al-Tamaddun*, 17(2), 53–70.
- Shobirin. (2015). Jual beli dalam pandangan Islam. *Jurnal Bisnis dan Manajemen Islam*, 3(2), 254–255.
- Suhendi, H. (2007). *Fiqh Muamalah*. Jakarta: Raja Grafindo Persada.
- Syafi'i, M. I. (t.t.). *Al-Umm* (Jil. 2, h. 120). Beirut: Dar Al-Ma'rifah
- Taylor, S. J., & Bogdan, R. (1984). *Introduction to Qualitative Research Methods: The Search for Meanings (2nd ed.)*. Toronto: John Wiley & Sons.
- Wahbah al-Zuhayli. (1997). *Al-Fiqh al-Islami wa Adillatuh* (Jil. 5, h. 3558). Beirut: Dar al-Fikr.
- Wahbah bin Mustafa al-Zuhayli. (t.t.). *Al-Fiqh al-Islami wa Adillatuhu* (Cet. ke-4, 4/2967-2968). Damascus, Syria: Dar al-Fikr.
- Wan Ahmad Naqiuddin. (2020, Februari 20). Hukum menjual barangan lama dan rosak tanpa meminta izin tuannya terlebih dahulu. *Artikel Irsyad Al-Fatwa*, Siri Ke-424. <https://muftiwp.gov.my>
- Zaini Nasohah. (2006). *Perkembangan undang-undang untuk orang Islam di Negeri Sarawak sebelum dan selepas Merdeka. Dalam Perkembangan Islam di Nusantara* (h. 239). Kuala Lumpur: UPENA, UiTM.
- Zanirah Mustafa@Busu, Abu Bakar, S., & Ismail, A. (2015). Hukum kanun Melaka dari aspek undang-undang kekeluargaan. In *ICOMHAC2015 eproceedings*, 16–17 Disember 2015, Century Helang Hotel, Pulau Langkawi.